



**SHARIKAT PERMODALAN
KEBANGSAAN BERHAD**
196101000067 (4115-H)

LAPORAN TAHUNAN 2021

Kandungan

Maklumat Korporat	2
Lembaga Pengarah	3
Ketua Pegawai Eksekutif	4
Statistik Kewangan Kumpulan Untuk Lima Tahun	5
Penyata Pengerusi	6
Penyata Kewangan	8
Senarai Hartanah Kumpulan	92
Senarai Pemegang Saham Utama	93
Notis Mesyuarat Agung Tahunan	95
Borang Proksi	



Maklumat Korporat

LEMBAGA PENGARAH

Y.BHG. JEN. TAN SRI YAACOB BIN MAT ZAIN (B)
Pengerusi

IR. DR. AZMAN BIN AHMAD
Naib Pengerusi Eksekutif

LT. JEN. DATUK HJ. MD HANIF BIN HJ. DARIMI RMAF (B)

ABDUL RAHMAN BIN TEH MOHAMED

HASNAH BINTI MOHD SALLEH

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Saiful Aznir Bin Shahabudin

SETIAUSAHA SYARIKAT

Fateh Hanum Bte Khairuddin
(No. Sijil Amalan 201908003154) (LS 0009093)

JURUAUDIT

Ernst & Young
Aras 23A, Menara Milenium
Jalan Damanlela
Pusat Bandar Damansara
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

PENDAFTAR SAHAM

Shareworks Sdn Bhd
2-1, Jalan Sri Hartamas 8
Sri Hartamas
50480 Kuala Lumpur
Tel : +603 6201 1120
Faks : +603 6201 3121

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 11, Menara Perak
No. 24, Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Tel : +603 2264 5555
Faks : +603 2264 5545

Lembaga Pengarah

JEN. TAN SRI YAACOB BIN MAT ZAIN (B)

Pengerusi

Umur: 87 tahun

Y.Bhg. Jen. Tan Sri Yaacob Bin Mat Zain (B) dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad pada 11 November 1997. Beliau adalah seorang Panglima Angkatan Tentera Malaysia, sebelum bersara pada Jun 1993. Antara jawatan utama yang disandang oleh beliau di dalam Angkatan Tentera Malaysia adalah sebagai Panglima Divisyen, Pengarah Bahagian Perisikan Pertahanan, Panglima Tentera Darat dan seterusnya Panglima Angkatan Tentera.

IR. DR. AZMAN BIN AHMAD

Naib Pengerusi Eksekutif

Umur: 61 tahun

Ir. Dr. Azman Bin Ahmad dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad ("SPKB") pada 20 Jun 2002. Beliau adalah seorang Jurutera Awam berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Kepujian) dari University of Adelaide, Australia dan Ph.D (Kejuruteraan) dari Universiti Malaya. Beliau mempunyai pengalaman selama 39 tahun di dalam industri pembinaan dan korporat. Beliau juga memegang jawatan pengarah di beberapa anak syarikat di dalam Kumpulan SPKB dan beberapa syarikat sendirian berhad yang lain.

LT. JEN. DATUK HJ. MD HANIF BIN HJ. DARIMI RMAF (B)

Pengarah

Umur: 71 tahun

Y.Bhg. Lt. Jen. Datuk Hj. Md Hanif Bin Hj. Darimi RMAF (B) dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad pada 10 Ogos 2010. Sebelum bersara dari TUDM, beliau telah memegang jawatan sebagai Panglima Operasi Udara. Antara jawatan utama yang disandang sejak berkhidmat di TUDM adalah sebagai Pegawai Pemerintah Skuadron Penerbangan VIP, Pegawai Pemerintah TUDM Subang, Panglima Pendidikan Udara serta Panglima 1 Divisyen Udara. Pada masa ini, Lt. Jen. Datuk Hj. Md Hanif Bin Hj. Darimi RMAF (B) juga memegang jawatan pengarah di beberapa syarikat sendirian berhad yang lain.

ABDUL RAHMAN BIN TEH MOHAMED

Pengarah

Umur: 72 tahun

Abdul Rahman Bin Teh Mohamed dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad ("SPKB") pada 4 Ogos 1999. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan major dalam "Analytical Economics" dari Universiti Malaya. Setelah tamat pengajian, beliau bekerja dengan United Planting Association of Malaysia sebagai Setiausaha dan bertugas dengan organisasi itu selama 23 tahun sehingga persaraannya pada tahun 1999 sebagai Ketua Eksekutif. Abdul Rahman Bin Teh Mohamed juga memegang jawatan pengarah di beberapa anak syarikat di bawah Kumpulan SPKB.

HASNAH BINTI MOHD SALLEH

Pengarah

Umur: 80 tahun

Hasnah Binti Mohd Salleh dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad ("SPKB") pada 4 Ogos 1999. Beliau berkecualan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Victoria University of Wellington, New Zealand dan Diploma Perguruan dari Secondary Teachers' College, Auckland, New Zealand. Beliau bertugas sebagai guru sekolah menengah selama 3 tahun sebelum menukar profesyen sebagai Pentadbir di Universiti Malaya, di mana beliau bertugas selama 27 tahun. Pada masa ini, selain menjadi Ahli Lembaga Pengarah SPKB, beliau juga menjadi Ahli Lembaga Pengarah beberapa anak syarikat di dalam Kumpulan SPKB. Beliau juga adalah seorang Ahli Bergabung Institut Perhubungan Raya Malaysia (AMIPR) dan ahli Badan Warisan Malaysia.



Ketua Pegawai Eksekutif

SAIFUL AZNIR BIN SHAHABUDIN

Umur: 62 tahun

Saiful Aznir Bin Shahabudin dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad ("SPKB") pada 12 November 2001 dan seterusnya dilantik sebagai Pengarah Urusan pada 7 Februari 2002. Beliau meletak jawatan dari Lembaga Pengarah pada 10 Ogos 2010. Kini, beliau adalah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SPKB. Beliau berkecualan sebagai seorang ahli American Institute of Certified Public Accountants dan adalah seorang ahli Malaysian Institute of Certified Public Accountants. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana dalam bidang Pentadbiran Perniagaan dari University of Chicago dan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Western Michigan University, Amerika Syarikat. Beliau pernah bertugas sebagai Ketua Eksekutif Encorp Group Sdn Bhd. Beliau adalah seorang Pengarah di beberapa anak syarikat di dalam Kumpulan SPKB.

Statistik Kewangan Kumpulan Untuk Lima Tahun

	2021 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000	2017 RM'000
Hasil	14,370	6,095	5,440	11,403	24,592
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	66,963	2,686	(12,893)	15,648	46,033
Cukai	(161)	(534)	3,348	215	2,161
Keuntungan/(kerugian) bagi tahun kewangan	66,802	2,152	(9,545)	15,863	48,194
Keuntungan/(kerugian) yang diagihkan kepada pemilik syarikat induk	67,414	2,689	(10,307)	15,518	45,049
Modal saham diterbitkan dan dibayar penuh	248,336	248,336	248,336	248,336	248,336
Rizab	147,155	141,641	151,802	198,788	183,273
Ekuiti diagihkan kepada pemilik syarikat induk	395,491	389,977	400,138	447,124	431,609
Kepentingan tak mengawal	16,974	17,586	18,222	17,460	17,115
Jumlah ekuiti	412,465	407,563	418,360	464,584	448,724
Jumlah aset	485,605	489,328	500,845	562,332	582,066
Jumlah liabiliti	73,140	81,765	82,485	97,748	133,342
Keuntungan/(kerugian) setiap saham yang diagihkan kepada pemilik syarikat induk (sen)	27.1	1.1	(4.2)	6.2	18.1
Dividen kasar setiap saham (sen)	20	5	15	-	25
Aset ketara bersih setiap saham yang diagihkan kepada pemilik syarikat induk (RM)	1.59	1.57	1.61	1.80	1.74
Aset bersih setiap saham yang diagihkan kepada pemilik syarikat induk (RM)	1.59	1.57	1.61	1.80	1.74

Penyata Pengerusi



“ Para Pemegang Saham Yang Saya Hormati,

Bagi pihak Lembaga Pengarah, dengan sukacitanya saya ingin membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Syarikat dan Kumpulan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

”

PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun kewangan 2021, Kumpulan telah merekodkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM66.8 juta berbanding dengan keuntungan selepas cukai RM2.2 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Keuntungan bagi tahun tersebut disumbangkan oleh pelarasan kos sebidang tanah untuk pembangunan yang dimiliki dan pengambilan keuntungan daripada pertukaran wang asing selepas pembubaran sebuah syarikat bersekutu.

LANGKAH KE HADAPAN

Masa depan untuk persekitaran perniagaan dalam tahun 2022 dan seterusnya akan terus mencabar berikutan kesan daripada pandemik Covid-19 dan juga krisis Ukraine baru-baru ini.

Terdapat indikasi ekonomi yang positif yang meramalkan 2022 akan menjadi tahun yang lebih baik bagi pasaran hartanah Malaysia tetapi kekangan tetap wujud. Walau bagaimanapun, Kumpulan akan meneruskan usahanya untuk meraih keuntungan daripada aset inventori dan hartanahnya.

DIVIDEN

Sejajar dengan niat Syarikat untuk mengembalikan nilai kepada para pemegang saham, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen interim sebanyak 35 sen sesaham untuk tahun kewangan 2022. Dividen tersebut berjumlah kira-kira RM86.9 juta telah dibayar kepada para pemegang saham pada 25 Februari 2022.

PENGHARGAAN

Saya bagi pihak Lembaga Pengarah, ingin memberikan sekalung penghargaan kami kepada para pemegang saham, rakan perniagaan, para pelanggan, pihak bank dan semua pihak yang terlibat atas sokongan padu mereka selama ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan dan semua warga kerja atas dedikasi, komitmen dan kesetiaan mereka. Akhir kata, penghargaan ikhlas saya kepada rakan-rakan Lembaga Pengarah atas bimbingan dan sumbangan mereka yang tidak ternilai kepada Syarikat dan Kumpulan.

Penyata Kewangan

Laporan Para Pengarah	8
Penyata Para Pengarah	13
Akuan Berkanun	13
Laporan Juruaudit	14
Penyata-penyata Pendapatan Komprehensif	17
Penyata-penyata Kedudukan Kewangan	19
Penyata-penyata Perubahan dalam Ekuiti	21
Penyata-penyata Aliran Tunai	23
Nota-nota kepada Penyata Kewangan	28



Laporan Para Pengarah

Para pengarah dengan ini membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan dan perkhidmatan pengurusan kepada subsidiari-subsidiarinya.

Kegiatan-kegiatan utama subsidiari-subsidiari dinyatakan di Nota 15 kepada penyata kewangan.

KEPUTUSAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan	66,802	49,567
Pengagihan kepada:		
Pemilik-pemilik syarikat induk	67,414	49,567
Kepentingan tak mengawal	(612)	-
	66,802	49,567

Tiada sebarang pemindahan yang penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan di sepanjang tahun kewangan ini.

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan semasa tidak dipengaruhi secara ketara oleh sebarang butiran, urusaniaga atau peristiwa yang material dan bersifat luar biasa, selain daripada yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

DIVIDEN

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, jumlah dividen yang telah dibayar oleh Syarikat adalah seperti berikut:

	RM'000
Dividen tahap tunggal interim untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 sebanyak 20% ke atas 248,335,929 saham biasa berjumlah RM49,667,186 (20 sen sesaham) yang dibayar pada 15 Mac 2021	49,667

Para pengarah tidak mencadangkan dividen terakhir untuk tahun kewangan semasa.

Dividen tahap tunggal interim untuk tahun kewangan yang akan berakhir 31 Disember 2022 sebanyak 35% ke atas 248,335,929 saham biasa berjumlah RM86,917,575 (35 sen sesaham) telah diisytihar pada 17 Februari 2022 dan dibayar pada 25 Februari 2022.

Laporan Para Pengarah (samb.)

PARA PENGARAH SYARIKAT

Nama-nama pengarah Syarikat yang memegang jawatan sejak permulaan tahun kewangan sehingga tarikh pelaporan ini ialah:

Jen. Tan Sri Yaacob bin Mat Zain (B)
Ir. Dr. Azman bin Ahmad
Lt. Jen. Datuk Hj Md Hanif bin Hj Darimi RMAF (B)
Abdul Rahman bin Teh Mohamed
Hasnah binti Mohd Salleh

PARA PENGARAH SUBSIDIARI-SUBSIDIARI

Nama-nama pengarah subsidiari-subsidiari yang memegang jawatan sejak permulaan tahun kewangan sehingga tarikh pelaporan ini, tidak termasuk para pengarah yang tersenarai di atas ialah:

Saiful Aznir bin Shahabudin
Rear Admiral Dato' Yaacob bin Haji Daud (B)
Zurila binti Ahmad
Zulkifli bin Yusoff

MANFAAT PARA PENGARAH

Pada akhir tahun kewangan atau di sepanjang tahun, tidak terdapat sebarang perjanjian yang mana Syarikat menjadi sebahagian pihak di mana para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada pengarah yang telah menerima atau berhak menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat ganjaran yang telah dibayar atau terhutang kepada para pengarah atau gaji tetap bagi pekerja sepenuh masa Syarikat seperti yang dinyatakan di Nota 9 kepada penyata kewangan) melalui kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana ianya seorang ahli, atau dengan syarikat di mana ia mempunyai kepentingan kewangan yang ketara perlu dinyatakan menurut Jadual Kelima (3) Akta Syarikat 2016, selain daripada yang dinyatakan di Nota 33 kepada penyata kewangan.

JAMINAN GANTI RUGI KEPADA PARA PENGARAH, PEGAWAI DAN JURUAUDIT

Para pengarah dan pegawai Syarikat dilindungi oleh insurans liabiliti pengarah dan pegawai. Jumlah premium insurans yang telah dibayar di sepanjang tahun kewangan bagi para pengarah dan pegawai Syarikat adalah RM45,000.

Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Syarikat telah bersetuju untuk memberi jaminan ganti rugi kepada juruaudit Syarikat, Ernst & Young PLT, sebagai sebahagian daripada terma pelantikan audit terhadap tuntutan pihak ketiga yang timbul daripada audit. Tiada bayaran ganti rugi dibayar kepada Ernst & Young PLT di sepanjang tahun kewangan atau sejak akhir tahun kewangan.

Laporan Para Pengarah (samb.)

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Berdasarkan daftar pegangan saham para pengarah, kepentingan para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan di dalam saham Syarikat dan badan-badan korporat yang berkaitan di sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

Nama pengarah	1 Januari 2021	Bilangan saham biasa		31 Disember 2021
		Beli	Jual	
Syarikat				
<i>Kepentingan langsung:</i>				
<i>Saham biasa Syarikat</i>				
Jen. Tan Sri Yaacob bin Mat Zain (B)	5,000	-	-	5,000
Ir. Dr. Azman bin Ahmad	1,000	-	-	1,000
Lt. Jen. Datuk Hj Md Hanif bin Hj Darimi RMAF (B)	1,000	-	-	1,000
Abdul Rahman bin Teh Mohamed	1,000	-	-	1,000
Hasnah binti Mohd Salleh	1,000	-	-	1,000
<i>Saham biasa subsidiari (Sunshine Bonus Sdn. Bhd.)</i>				
Ir. Dr. Azman bin Ahmad	49,999	-	-	49,999
<i>Saham biasa syarikat induk (Gerak Jaguh Sdn. Bhd.)</i>				
Ir. Dr. Azman bin Ahmad	1	-	-	1
Subsidiari-subsubsidiari				
<i>Kepentingan tidak langsung:</i>				
<i>Saham biasa Syarikat</i>				
Saiful Aznir bin Shahabudin	178,557,155	-	-	178,557,155
<i>Kepentingan langsung:</i>				
<i>Saham biasa syarikat induk (Gerak Jaguh Sdn. Bhd.)</i>				
Saiful Aznir bin Shahabudin	9,999,999	-	-	9,999,999

Saiful Aznir bin Shahabudin dan Ir. Dr. Azman bin Ahmad melalui kepentingan di dalam saham syarikat induk, adalah juga dianggap mempunyai kepentingan di dalam saham Syarikat dan kesemua subsidiari-subsubsidiari Syarikat sehingga tahap Syarikat mempunyai kepentingan.

Laporan Para Pengarah (samb.)

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

- (a) Sebelum penyata pendapatan komprehensif dan penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk:
 - (i) memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan dalam membuat elaun untuk kerugian kredit yang dijangka dan berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskan dan elaun yang memadai telah dibuat bagi kerugian kredit yang dijangka; dan
 - (ii) memastikan bahawa sebarang aset semasa yang mungkin tidak dapat direalisasi mengikut nilai yang dinyatakan dalam rekod-rekod perakaunan dalam urusan biasa telah dikurangkan nilainya kepada hasilaku yang dianggap boleh direalisasi.
- (b) Pada tarikh pelaporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan:
 - (i) jumlah yang dihapuskan sebagai hutang lapuk atau jumlah yang diperuntukkan bagi kerugian kredit yang dijangka di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak memadai secara ketara; dan
 - (ii) nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.
- (c) Pada tarikh pelaporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang timbul yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada bagi penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh pelaporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak diambilkira di dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.
- (e) Pada tarikh pelaporan ini, tidak wujud:
 - (i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luarjangka Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (f) Pada pendapat para pengarah:
 - (i) tiada liabiliti luarjangka atau liabiliti-liabiliti lain yang telah berkuatkuasa atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan atau Syarikat untuk menunaikan tanggungannya apabila tiba masanya; dan
 - (ii) tiada butiran, urusaniaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa yang timbul dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh pelaporan ini yang mungkin memberi kesan yang besar ke atas keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

SYARIKAT INDUK

Para pengarah menganggap Gerak Jaguh Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat induk.

Laporan Para Pengarah (samb.)

PERISTIWA PENTING DAN SUSULAN

Butiran mengenai peristiwa penting dan susulan dinyatakan di Nota 37 kepada penyata kewangan.

JURUAUDIT DAN GANJARAN JURUAUDIT

Juruaudit, Tetuan Ernst & Young PLT, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima pelantikan semula.

Ganjaran juruaudit adalah seperti yang dinyatakan di Nota 7 kepada penyata kewangan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah bertarikh 14 April 2022.

JEN. TAN SRI YAACOB BIN MAT ZAIN (B)

LT. JEN. DATUK HJ MD HANIF BIN HJ DARIMI RMAF (B)

Penyata Para Pengarah

Menurut Seksyen 251(2) Akta Syarikat 2016

Kami, JEN. TAN SRI YAACOB BIN MAT ZAIN (B) dan LT. JEN. DATUK HJ MD HANIF BIN HJ DARIMI RMAF (B), dua daripada para pengarah SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang disertakan dari muka surat 17 sehingga 91 telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2021 dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah bertarikh 14 April 2022.

JEN. TAN SRI YAACOB BIN MAT ZAIN (B)

LT. JEN. DATUK HJ MD HANIF BIN HJ DARIMI RMAF (B)

Akuan Berkanun

Menurut Seksyen 251(1)(b) Akta Syarikat 2016

Saya, SAIFUL AZNIR BIN SHAHABUDIN, pegawai yang terutamanya bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang disertakan dari muka surat 17 sehingga 91, adalah pada pendapat saya betul, dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya dengan hemat mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya
oleh penama di atas SAIFUL AZNIR BIN
SHAHABUDIN di Kuala Lumpur dalam
Wilayah Persekutuan pada 14 April 2022.

SAIFUL AZNIR BIN SHAHABUDIN

Di hadapan saya,

AMIR BIN ISMAIL
Pesuruhjaya Sumpah

Laporan Juruaudit

Kapada Ahli-ahli Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

Laporan mengenai penyata kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD ("Syarikat"), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2021, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut, serta satu ringkasan dasar perakaunan yang penting dan nota-nota lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 17 ke 91.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Asas pendapat

Kami menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian ini diterangkan dengan lebih lanjut dalam tanggungjawab juruaudit ke atas penyata kewangan laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Kebebasan dan tanggungjawab etika lain

Kami bebas daripada Kumpulan dan Syarikat menurut Undang-undang Kecil (mengenai Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Bebas Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain menurut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit ke atasnya

Para pengarah Syarikat bertanggungjawab untuk maklumat yang lain. Maklumat yang lain terdiri daripada Laporan Pengarah, tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dan laporan juruaudit ke atasnya.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak termasuk maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang kesimpulan terhadap keyakinan mengenainya.

Tanggungjawab kami berkaitan dengan audit penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat adalah membaca maklumat yang lain dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat yang lain tidak selaras secara ketara dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat atau pengetahuan kami yang diperolehi dari audit atau sebaliknya kelihatan tersalah nyata secara ketara.

Jika, berdasarkan kerja yang dilaksanakan oleh kami, kami berpendapat bahawa terdapat salah nyata yang ketara mengenai maklumat yang lain, kami dikehendaki melaporkan fakta ini. Kami tiada apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab pengarah ke atas penyata kewangan

Para pengarah Syarikat bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat untuk memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia. Para pengarah juga bertanggungjawab bagi kawalan dalaman yang ditentukan perlu oleh para pengarah untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Para pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk meneruskan sebagai usaha berterusan dalam penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, mendedahkan yang mana berkenaan, hal berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan dasar perakaunan usaha berterusan melainkan jika para pengarah mempunyai rancangan untuk membubarkan Kumpulan dan Syarikat atau memberhentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Laporan Juruaudit

Kapada Ahli-ahli Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad

(Diperbadankan di Malaysia)
(samb.)

Laporan mengenai penyata kewangan (samb.)

Tanggungjawab pengarah ke atas penyata kewangan (samb.)

Objektif kami adalah untuk memperoleh kepastian yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat pada keseluruhannya bebas dari salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang termasuk pendapat kami. Jaminan munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata material apabila wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika, secara individu atau dalam agregat, mereka dapat dijangka dapat mempengaruhi keputusan ekonomi para pengguna yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit menurut piawaian audit yang telah diluluskan di Malaysia dan Piawaian Audit Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan sikap ragu-ragu profesional sepanjang audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko-risiko tersebut, dan memperoleh bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang timbul daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, maklumat ditinggalkan dengan sengaja, gambaran yang salah, atau melangkaui kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan Syarikat.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para pengarah.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian asas perakaunan usaha berterusan yang digunakan oleh pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada ketidakpastian yang ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Kumpulan atau Syarikat untuk meneruskan sebagai usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian yang ketara wujud, kami dikehendaki menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, kami dikehendaki mengubah suai pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Kumpulan dan Syarikat berhenti untuk meneruskan sebagai usaha berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mewakili transaksi dasar dan peristiwa dengan cara yang mencapai pembentangan yang wajar.
- Memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai maklumat kewangan entiti atau aktiviti perniagaan di dalam Kumpulan untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab ke atas arahan, pengawasan dan prestasi audit kumpulan. Kami bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan para pengarah mengenai, antara lain, perancangan skop dan masa audit dan penemuan audit penting, termasuk kekurangan penting dalam kawalan dalaman yang kami kenalpasti semasa audit.

Laporan Juruaudit

Kapada Ahli-ahli Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)
(samb.)

Hal-hal lain

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai satu badan sahaja, selaras dengan peruntukan Seksyen 266 Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain berkenaan kandungan laporan ini.

Ernst & Young PLT

202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF: 0039
Akauntan-akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
14 April 2022

Muhammad Affan bin Daud

No. 03063/02/2024 J
Akauntan Bertauliah

Penyata-Penyata Pendapatan Komprehensif

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Hasil	4	14,370	6,095	402	177,524
Kos tanah untuk pembangunan dijual		(347)	(37)	-	-
Kos pembangunan hartanah		11	302	-	-
Kos inventori yang dijual		(6,982)	(3,428)	-	-
Kos perkhidmatan		(246)	(354)	-	-
Keuntungan kasar		6,806	2,578	402	177,524
Lain-lain pendapatan	5	60,859	11,793	134,319	4,890
Perbelanjaan pentadbiran		(12,627)	(16,000)	(6,111)	(9,377)
Perbelanjaan jualan dan pemasaran		(191)	(159)	-	-
Lain-lain perbelanjaan		(153)	(1,246)	(79,012)	(3,264)
Keuntungan/(kerugian) operasi		54,694	(3,034)	49,598	169,773
Kos kewangan	6	(10)	(18)	(10)	(12)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu		12,262	5,684	-	-
Bahagian keuntungan usaha sama		17	54	-	-
Keuntungan sebelum cukai	7	66,963	2,686	49,588	169,761
Perbelanjaan cukai	10	(161)	(534)	(21)	(15)
Keuntungan bersih bagi tahun		66,802	2,152	49,567	169,746
Diagihkan kepada:					
Pemilik-pemilik syarikat induk		67,414	2,689	49,567	169,746
Kepentingan tak mengawal		(612)	(537)	-	-
		66,802	2,152	49,567	169,746

Penyata-Penyata Pendapatan Komprehensif

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021
(samb.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun	66,802	2,152	49,567	169,746
Pendapatan komprehensif lain untuk pengelasan semula ke keuntungan atau kerugian pada tempoh susulan:				
Tukaran matawang asing	(12,233)	(433)	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	54,569	1,719	49,567	169,746
Diagihkan kepada:				
Pemilik-pemilik syarikat induk	55,181	2,256	49,567	169,746
Kepentingan tak mengawal	(612)	(537)	-	-
	54,569	1,719	49,567	169,746

Penyata-Penyata Kedudukan Kewangan

Pada 31 Disember 2021

		Kumpulan		Syarikat	
		2021	2020	2021	2020
	Nota	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
ASET					
Aset bukan semasa					
Harta tanah, loji dan peralatan	12	5,493	5,143	1,071	572
Inventori	13	208,616	207,920	-	-
Muhibah	14	-	-	-	-
Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	15	-	-	301,048	380,060
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	16	330	47,702	-	-
Pelaburan dalam usaha sama	17	2,021	2,004	500	500
Sekuriti pelaburan	18	-	6,000	-	-
Aset hak penggunaan	25	1,800	1,747	143	56
Aset cukai tertunda	27	20,046	20,046	-	
		238,306	290,562	302,762	381,188
Aset semasa					
Inventori	13	88,817	95,683	-	-
Sekuriti pelaburan	18	70,268	63,431	30,874	24,469
Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang	19	60,336	1,775	91,913	40,739
Lain-lain aset semasa	20	110	128	73	73
Cukai boleh dikembalikan		164	71	5	7
Wang tunai dan baki di bank	21	27,604	36,117	14,212	20,231
		247,299	197,205	137,077	85,519
Aset diklasifikasi sebagai dipegang untuk dijual	22	-	1,561	-	-
		247,299	198,766	137,077	85,519
JUMLAH ASET		485,605	489,328	439,839	466,707

Penyata-Penyata Kedudukan Kewangan

Pada 31 Disember 2021
(samb.)

		Kumpulan		Syarikat	
		2021	2020	2021	2020
	Nota	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
EKUITI DAN LIABILITI					
Liabiliti semasa					
Peruntukan	23	-	1,120	-	-
Pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang	24	70,059	76,450	40,641	67,523
Liabiliti pajakan	25	115	65	113	49
Liabiliti kontrak	26	2,890	2,979	-	-
Cukai kena dibayar		-	1,121	-	-
		73,064	81,735	40,754	67,572
Aset semasa bersih		174,235	117,031	96,323	17,947
Liabiliti bukan semasa					
Liabiliti pajakan	25	50	2	50	-
Liabiliti cukai tertunda	27	26	28	-	-
		76	30	50	-
JUMLAH LIABILITI		73,140	81,765	40,804	67,572
Aset bersih		412,465	407,563	399,035	399,135
Ekuiti diagihkan kepada pemilik-pemilik syarikat induk					
Modal saham	28	248,336	248,336	248,336	248,336
Rizab-rizab lain	29	(14,496)	(2,263)	-	-
Perolehan tertahan	30	161,651	143,904	150,699	150,799
		395,491	389,977	399,035	399,135
Kepentingan tak mengawal		16,974	17,586	-	-
Jumlah ekuiti		412,465	407,563	399,035	399,135
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		485,605	489,328	439,839	466,707

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota keterangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

Penyata-Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

← Pengagihan kepada pemilik-pemilik syarikat induk →

	Modal saham (Nota 28) RM'000	Tidak boleh diagihkan Rizab-rizab lain (Nota 29) RM'000	Boleh diagihkan Perolehan tertahan (Nota 30) RM'000	Jumlah RM'000	Kepentingan tak mengawal RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
Kumpulan						
Pada 1 Januari 2020	248,336	(1,830)	153,632	400,138	18,222	418,360
Jumlah pendapatan komprehensif	-	(433)	2,689	2,256	(537)	1,719
Urusniaga dengan pemilik-pemilik: - Dividen (Nota 11)	-	-	(12,417)	(12,417)	(99)	(12,516)
Pada 31 Disember 2020	248,336	(2,263)	143,904	389,977	17,586	407,563
Pada 1 Januari 2021	248,336	(2,263)	143,904	389,977	17,586	407,563
Jumlah pendapatan komprehensif	-	(12,233)	67,414	55,181	(612)	54,569
Urusniaga dengan pemilik-pemilik: - Dividen (Nota 11)	-	-	(49,667)	(49,667)	-	(49,667)
Pada 31 Disember 2021	248,336	(14,496)	161,651	395,491	16,974	412,465

Penyata-Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021
(samb.)

	Modal saham (Nota 28) RM'000	Boleh diagihkan (Kerugian terkumpul)/ perolehan tertahan (Nota 30) RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
Syarikat			
Pada 1 Januari 2020	248,336	(6,530)	241,806
Keuntungan bersih bagi tahun, mewakili jumlah pendapatan komprehensif	-	169,746	169,746
Urusniaga dengan pemilik-pemilik:			
Dividen (Nota 11)	-	(12,417)	(12,417)
Pada 31 Disember 2020	248,336	150,799	399,135
Pada 1 Januari 2021	248,336	150,799	399,135
Keuntungan bersih bagi tahun, mewakili jumlah pendapatan komprehensif	-	49,567	49,567
Urusniaga dengan pemilik-pemilik:			
Dividen (Nota 11)	-	(49,667)	(49,667)
Pada 31 Disember 2021	248,336	150,699	399,035

Penyata-Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI				
Keuntungan sebelum cukai	66,963	2,686	49,588	169,761
Pelarasan untuk:				
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu	(12,262)	(5,684)	-	-
Bahagian keuntungan usaha sama	(17)	(54)	-	-
Muhibah syarikat bersekutu dihapuskan	134	-	-	-
Penepian hutang kepada subsidiari-subsidiari	-	-	(78,967)	-
Rosotnilai penghutang perdagangan	-	1,185	-	-
Pembalikan rosotnilai penghutang perdagangan	(1,185)	-	-	-
Rosotnilai pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	-	-	79,012	3,211
Pembalikan rosotnilai tanah untuk pembangunan hartanah	(55,000)	-	-	-
Rosotnilai hutang daripada subsidiari-subsidiari	-	-	-	25
Rosotnilai lain-lain penghutang	19	-	-	-
Pembalikan rosotnilai lain-lain penghutang	-	(4,080)	(54,777)	(4,080)
Perbelanjaan faedah atas liabiliti sewabeli	-	4	-	4
Perbelanjaan faedah atas liabiliti pajakan	10	14	10	8
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	537	559	388	394
Keuntungan daripada penjualan harta tanah, loji dan peralatan	(40)	(30)	(40)	(30)
Susutnilai aset hak penggunaan	149	232	115	136

Penyata-Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021
(samb.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI (SAMB.)				
Keuntungan daripada penjualan aset diklasifikasi sebagai dipegang untuk dijual	(839)	(5,010)	-	-
Keuntungan daripada pemisahan penyatuan usaha sama	-	(6)	-	-
Keuntungan daripada penamatan pajakan	-	(1)	-	-
Pelarasan nilai pasaran saksama sekuriti pelaburan	(284)	61	(102)	29
Pendapatan faedah	(977)	(1,812)	(386)	(732)
Pendapatan dividen	(1,800)	(775)	-	(177,136)
Pembalikan peruntukan	(1,120)	-	-	-
Pembalikan kos diakru	(376)	-	-	-
Pengiktirafan pendapatan tertunda	-	(8)	-	-
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja	(6,088)	(12,719)	(5,159)	(8,410)
(Tambahan)/kurangan dalam penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang	(57,393)	3,472	3,602	3,334
Kurangan/(tambahan) dalam lain-lain aset semasa	18	(25)	-	(6)
Kurangan dalam inventori	61,170	2,770	-	-
(Kurangan)/tambahan dalam pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang	(6,015)	2,186	52,086	(145,824)
Kurangan dalam liabiliti kontrak	(89)	-	-	-
Tunai (digunakan dalam)/daripada operasi	(8,397)	(4,316)	50,529	(150,906)
Cukai (dibayar)/dikembalikan bersih	(1,377)	2,565	(19)	(16)
Faedah dibayar	(10)	(18)	(10)	(12)
Aliran tunai bersih (digunakan dalam)/daripada aktiviti-aktiviti operasi	(9,784)	(1,769)	50,500	(150,934)

Penyata-Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021
(samb.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2021	2020	2021	2020
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN				
Tambahan dalam deposit yang dicagar	(90)	(111)	-	-
Dividen bersih diterima daripada subsidiari-subsidiari	-	-	-	177,136
Dividen bersih diterima daripada syarikat bersekutu	-	3,920	-	-
Dividen bersih diterima daripada sekuriti pelaburan	1,800	775	-	-
Dividen dibayar kepada kepentingan tak mengawal	-	(99)	-	-
Faedah diterima	177	224	83	57
Hasil daripada penebusan instrumen hutang	5,940	-	-	-
Hasil daripada penjualan aset diklasifikasi sebagai dipegang untuk dijual	2,400	16,010	-	-
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan	(887)	(47)	(887)	(47)
Hasil daripada penjualan harta tanah, loji dan peralatan	40	30	40	30
Hasil daripada pemulangan modal daripada syarikat bersekutu	47,267	-	-	-
Pembelian sekuriti pelaburan	(5,695)	(5,500)	(6,000)	(2,501)
Aliran tunai bersih daripada/(digunakan dalam) aktiviti-aktiviti pelaburan	50,952	15,202	(6,764)	174,675
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Dividen dibayar	(49,667)	(12,417)	(49,667)	(12,417)
Pembayaran balik liabiliti sewabeli	-	(222)	-	(222)
Pembayaran bahagian pokok liabiliti pajakan	(104)	(194)	(88)	(113)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti pembiayaan	(49,771)	(12,833)	(49,755)	(12,752)
(KURANGAN)/TAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	(8,603)	600	(6,019)	10,989
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 1 JANUARI	32,657	32,057	20,231	9,242
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER (NOTA 21)	24,054	32,657	14,212	20,231

Penyata-Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021
(samb.)

Perubahan liabiliti yang timbul daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan

Jadual di bawah menunjukkan butiran terperinci perubahan liabiliti Kumpulan dan Syarikat yang timbul daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan, termasuk perubahan tunai dan bukan tunai. Liabiliti yang timbul daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan adalah di mana aliran tunai, atau aliran tunai masa depan, yang akan diklasifikasikan dalam penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat sebagai aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan.

	Pinjaman semasa dan bukan semasa RM'000	Liabiliti pajakan RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan			
31 Disember 2021			
Pada 1 Januari 2021	-	67	67
Perubahan daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan:			
- Pembayaran bahagian pokok liabiliti pajakan	-	(104)	(104)
Lain-lain perubahan :			
- Pembayaran bahagian faedah liabiliti pajakan	-	(10)	(10)
- Tambahan liabiliti pajakan	-	202	202
- Perbelanjaan faedah atas liabiliti pajakan	-	10	10
Pada 31 Disember 2021	-	165	165
31 Disember 2020			
Pada 1 Januari 2020	222	284	506
Perubahan daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan:			
- Pembayaran balik liabiliti sewabeli	(222)	-	(222)
- Pembayaran bahagian pokok liabiliti pajakan	-	(194)	(194)
Lain-lain perubahan :			
- Pembayaran bahagian faedah liabiliti pajakan	-	(14)	(14)
- Tambahan liabiliti pajakan	-	14	14
- Penamatan liabiliti pajakan	-	(23)	(23)
Pada 31 Disember 2020	-	67	67

Penyata-Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021
(samb.)

Perubahan liabiliti yang timbul daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan (samb.)

	Pinjaman semasa dan bukan semasa RM'000	Liabiliti pajakan RM'000	Jumlah RM'000
Syarikat			
31 Disember 2021			
Pada 1 Januari 2021	-	49	49
Perubahan daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan:			
- Pembayaran bahagian pokok liabiliti pajakan	-	(88)	(88)
Lain-lain perubahan :			
- Pembayaran bahagian faedah liabiliti pajakan	-	(10)	(10)
- Tambahan liabiliti pajakan	-	202	202
- Perbelanjaan faedah atas liabiliti pajakan	-	10	10
Pada 31 Disember 2021	-	163	163
31 Disember 2020			
Pada 1 Januari 2020	222	162	384
Perubahan daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan:			
- Pembayaran balik liabiliti sewabeli	(222)	-	(222)
- Pembayaran bahagian pokok liabiliti pajakan	-	(113)	(113)
Lain-lain perubahan :			
- Pembayaran bahagian faedah liabiliti pajakan	-	(8)	(8)
- Perbelanjaan faedah atas liabiliti pajakan	-	8	8
Pada 31 Disember 2020	-	49	49

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota keterangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

1. MAKLUMAT KORPORAT

Syarikat adalah syarikat awam liabiliti terhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Tingkat 11, Menara Perak, No. 24, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

Syarikat induk kepada Syarikat adalah Gerak Jaguh Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia.

Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan dan perkhidmatan pengurusan kepada subsidiari-subsidiarinya. Kegiatan-kegiatan utama subsidiari-subsidiari dinyatakan di Nota 15.

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan berasaskan kos sejarah kecuali seperti yang dinyatakan di dasar-dasar perakaunan berikut.

Penyata kewangan disediakan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan semua nilai dibundarkan ke angka ribuan yang terhampir ("RM'000") kecuali di mana dinyatakan sebaliknya.

2.2 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan

Dasar-dasar perakaunan yang telah diterima pakai adalah sejajar dengan tahun kewangan lepas kecuali yang berikut:

Pada 1 Januari 2021, Kumpulan dan Syarikat menerima pakai MFRS baru berikut:

Penerangan	Efektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas
Pindaan-pindaan kepada MFRS 9, MFRS 139, MFRS 7, MFRS 4 dan MFRS 16: Pembaharuan Tanda Aras Kadar Faedah - Fasa 2	1 Januari 2021
Pindaan-pindaan kepada MFRS 16: Pajakan (COVID-19-Konsesi Sewa yang Berkaitan Selepas 30 Jun 2021)	1 April 2021

Penggunaan piawaian-piawaian yang dinyatakan di atas tidak mempunyai kesan ketara ke atas prestasi dan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.3 Piawaian-piawaian dan interpretasi-interpretasi yang telah dikeluarkan tetapi belum efektif

Piawaian-piawaian dan interpretasi-interpretasi yang telah dikeluarkan tetapi belum efektif sehingga tarikh penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat diterbitkan adalah dinyatakan di bawah. Kumpulan dan Syarikat merancang untuk menerima pakai piawaian-piawaian tersebut apabila mereka menjadi efektif.

Penerangan	Efektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas
Pindaan-pindaan kepada MFRS 1: (Penambahbaikan Tahunan kepada Kitaran MFRS 2018 - 2020)	1 Januari 2022
Pindaan-pindaan kepada MFRS 3: Rujukan kepada Rangka Kerja Konsep	1 Januari 2022
Pindaan-pindaan kepada MFRS 9: Instrumen Kewangan (Penambahbaikan Tahunan kepada Kitaran MFRS 2018 - 2020)	1 Januari 2022
Pindaan-pindaan kepada Ilustrasi MFRS 16: (Penambahbaikan Tahunan kepada Kitaran MFRS 2018 - 2020)	1 Januari 2022
Pindaan-pindaan kepada MFRS 116: Harta tanah, Loji dan Peralatan - Hasil sebelum Digunakan	1 Januari 2022
Pindaan-pindaan kepada MFRS 137: Kontrak Membebaskan - Kos Memenuhi Kontrak	1 Januari 2022
Pindaan-pindaan kepada MFRS 141: (Penambahbaikan Tahunan kepada Kitaran MFRS 2018 - 2020)	1 Januari 2022
Pindaan-pindaan kepada MFRS 17: Kontrak Insurans	1 Januari 2023
Pindaan-pindaan kepada MFRS 101: Pembentangan Penyata-Penyata Kewangan: Klasifikasi Liabiliti sebagai Semasa atau Bukan Semasa	1 Januari 2023
Pindaan-pindaan kepada MFRS 108: Dasar-Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran dan Kesilapan Perakaunan (Definisi Anggaran Perakaunan)	1 Januari 2023
Pindaan-pindaan kepada MFRS 112: Cukai Pendapatan (Cukai Tertunda berkaitan dengan Aset dan Liabiliti yang timbul daripada Transaksi Tunggal)	1 Januari 2023
Pindaan-pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128: Penjualan atau Sumbangan Aset di antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama	Tertunda

Para pengarah menjangka penggunaan piawaian-piawaian di atas tidak akan mempunyai kesan yang ketara ke atas penyata kewangan dalam tempoh penggunaan permulaan.

2.4 Asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan meliputi penyata kewangan Kumpulan dan subsidiari-subsidiarinya pada 31 Disember 2021. Kawalan dicapai apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak, kepada pulangan berubah-ubah daripada penglibatannya dalam pelaburan dan mempunyai keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas pelaburan untuk mempengaruhi jumlah pulangan pelabur.

Khususnya Kumpulan mengawal pelaburan, jika dan hanya jika Kumpulan mempunyai:

- kuasa ke atas syarikat yang dilabur (iaitu hak yang ada yang memberi keupayaan semasa untuk mengarah aktiviti pelaburan yang berkaitan);
- pendedahan, atau hak, kepada pulangan berubah-ubah daripada penglibatannya dalam pelaburan; dan
- keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas syarikat yang dilabur untuk mempengaruhi jumlah pulangan pelabur.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.4 Asas penyatuan (samb.)

Apabila Kumpulan mempunyai hak mengundi atau hak yang serupa yang kurang daripada majoriti, Kumpulan mengambilkira kesemua faktor dan keadaan yang berkaitan untuk menilai sama ada ia mempunyai kuasa ke atas pelaburan, termasuk:

- pengaturan berkontrak dengan pemegang undi pelaburan yang lain;
- hak yang timbul daripada pengaturan berkontrak yang lain; dan
- hak mengundi dan hak mengundi potensi Kumpulan.

Kumpulan menilai semula sama ada ia mengawal pelaburan jika faktor dan keadaan menunjukkan bahawa terdapat perubahan kepada satu atau lebih daripada tiga unsur-unsur kawalan. Penyatuan subsidiari bermula apabila Kumpulan mendapat kawalan ke atas subsidiari dan berhenti apabila Kumpulan hilang kawalan subsidiari. Aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan subsidiari yang diambillalih atau dilupuskan pada tahun semasa dimasukkan dalam penyata pendapatan komprehensif dari tarikh Kumpulan mendapat kawalan sehingga tarikh Kumpulan berhenti mengawal subsidiari.

Keuntungan atau kerugian dan setiap komponen pendapatan komprehensif yang lain diagihkan kepada pemilik-pemilik syarikat induk dan kepentingan tak mengawal, walaupun ini mengakibatkan baki defisit dalam kepentingan tak mengawal. Apabila perlu, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan subsidiari-subsidiari untuk memastikan dasar-dasar perakaunan mereka adalah selaras dengan dasar-dasar perakaunan Kumpulan. Kesemua aset, liabiliti, ekuiti, pendapatan, perbelanjaan dan aliran tunai antara kumpulan yang berkenaan dengan urusniaga di antara ahli-ahli Kumpulan dihapuskan dengan sepenuhnya dalam penyatuan.

Perubahan dalam kepentingan pemilikan subsidiari, tanpa kehilangan kawalan, dinyatakan sebagai urusniaga ekuiti. Jika Kumpulan hilang kawalan ke atas subsidiari, ia:

- tidak mengiktiraf aset (termasuk muhibah) dan liabiliti subsidiari;
- tidak mengiktiraf nilai dibawa kepentingan bukan kawalan;
- tidak mengiktiraf perbezaan tukaran terkumpul yang dinyatakan dalam ekuiti;
- mengiktiraf nilai saksama balasan yang diterima;
- mengiktiraf nilai saksama sebarang pelaburan yang dikekalkan;
- mengiktiraf sebarang lebihan atau kurangan keuntungan atau kerugian; dan
- mengelas semula bahagian syarikat induk komponen-komponen yang diiktiraf sebelum ini dalam pendapatan komprehensif yang lain kepada keuntungan atau kerugian atau perolehan tertahan, sebagaimana yang sesuai, yang akan dikehendaki jika Kumpulan telah menjual aset atau liabiliti yang berkaitan secara langsung.

2.5 Kombinasi perniagaan dan muhibah

Kombinasi perniagaan diambilkira dengan menggunakan kaedah pengambilalihan. Kos pengambilalihan dinilai sebagai agregat balasan yang dipindahkan yang dinilai pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan jumlah sebarang kepentingan tak mengawal dalam penjual. Kumpulan memilih untuk setiap kombinasi perniagaan, sama ada kepentingan tak mengawal dalam penjual dinilai pada nilai saksama atau pada bahagian bersekadar aset bersih penjual yang dikenalpasti. Kos berkaitan dengan pengambilalihan diperbelanjakan dan dimasukkan dalam perbelanjaan pentadbiran.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.5 Kombinasi perniagaan dan muhibah (samb.)

Apabila Kumpulan mengambilalih suatu perniagaan, ia menaksirkan aset dan liabiliti kewangan yang diambilalih untuk klasifikasi dan gelaran yang sesuai menurut syarat-syarat kontraktual, keadaan ekonomi dan keadaan yang berkaitan pada tarikh pengambilalihan. Ini termasuk pengasingan derivatif terbenam dalam kontrak hos oleh penjual.

Jika kombinasi perniagaan dicapai melalui beberapa peringkat, sebarang kepentingan ekuiti yang dipegang sebelum ini dinilai semula pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan sebarang keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Ia kemudiannya diambilkira dalam menentukan muhibah.

Sebarang pertimbangan bersyarat yang dipindahkan oleh pembeli akan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Balasan bersyarat yang diklasifikasi sebagai aset atau liabiliti yang adalah instrumen kewangan dan dalam skop MFRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Penilaian, dinilai pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf sama ada dalam keuntungan atau kerugian atau sebagai perubahan dalam pendapatan komprehensif yang lain. Jika balasan bersyarat tidak dalam skop MFRS 139, ia dinilai menurut MFRS yang sesuai. Balasan bersyarat yang diklasifikasi sebagai ekuiti tidak dinilai semula dan penyelesaian kemudiannya diambilkira dalam ekuiti.

Muhibah dinyatakan pada kos mulanya, yang merupakan lebihan agregat balasan dipindahkan dan jumlah diiktiraf bagi kepentingan tak mengawal, dan sebarang kepentingan terdahulu yang dipegang, ke atas aset diambilalih dan liabiliti ditanggung bersih yang boleh dikenalpasti. Jika nilai saksama bagi aset bersih diambilalih melebihi agregat balasan dipindahkan, Kumpulan menaksir semula sama ada semua aset diambilalih dan liabiliti ditanggung telah dikenalpasti dengan betul dan menyemak prosedur yang digunakan untuk menilai jumlah yang diiktiraf pada tarikh pengambilalihan. Jika penaksiran semula masih mengakibatkan lebihan nilai saksama bagi aset bersih diambilalih ke atas agregat balasan dipindahkan, keuntungan tersebut diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian.

Berikutan pengiktirafan awal, muhibah dinyatakan pada kos ditolak rosotnilai terkumpul. Bagi tujuan pemeriksaan rosotnilai, muhibah yang diambilalih dari tarikh pengambilalihan diperuntukkan kepada setiap unit janaan tunai Kumpulan yang dijangka akan mendapat manfaat daripada kombinasi tersebut, tidak kira sama ada aset atau liabiliti lain penjual diberikan kepada unit-unit tersebut.

Di mana muhibah merupakan sebahagian daripada unit penajaan tunai ("UJT") dan sebahagian daripada operasi di mana UJT dilupuskan, muhibah berkaitan dengan operasi yang dilupuskan dimasukkan dalam nilai dibawa operasi apabila keuntungan atau kerugian daripada pelupusan operasi ditentukan. Muhibah yang dilupuskan dalam keadaan begitu dinyatakan berdasarkan nilai saksama relatif operasi yang dilupuskan dan bahagian UJT yang dikekalkan.

2.6 Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting. Pengaruh penting adalah kuasa untuk menyertai dalam keputusan polisi kewangan dan operasi penerima pelaburan, tetapi bukan kawalan atau kawalan bersama ke atas polisi-polisi tersebut.

Usaha sama adalah satu jenis pengaturan bersama di mana pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama pengaturan mempunyai hak ke atas aset bersih usaha sama. Kawalan bersama adalah perkongsian kawalan pengaturan melalui perjanjian berkontrak, yang wujud hanya apabila keputusan tentang aktiviti-aktiviti yang berkaitan memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak-pihak yang berkongsi kawalan.

Pertimbangan untuk menentukan pengaruh penting atau kawalan bersama adalah serupa dengan yang perlu dipertimbangkan untuk menentukan kawalan ke atas subsidiari-subsidiari.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.6 Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama (samb.)

Pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama diambilkira dengan menggunakan kaedah ekuiti. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama diiktiraf pada mulanya pada kos. Nilai dibawa pelaburan diselaraskan untuk mengiktiraf perubahan dalam bahagian Kumpulan dalam aset bersih syarikat bersekutu atau usaha sama sejak tarikh pengambilalihan. Muhibah berkaitan dengan syarikat bersekutu atau usaha sama dimasukkan dalam nilai dibawa pelaburan dan tidak dilunaskan atau diperiksa secara individu untuk rosotnilai.

Penyata keuntungan atau kerugian menggambarkan bahagian Kumpulan dalam keputusan operasi syarikat bersekutu atau usaha sama. Sebarang perubahan dalam pendapatan komprehensif yang lain penerima pelaburan tersebut adalah dibentangkan sebagai sebahagian daripada pendapatan komprehensif yang lain Kumpulan. Tambahan, apabila terdapat suatu perubahan yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti syarikat bersekutu atau usaha sama, Kumpulan mengiktiraf bahagiannya dalam sebarang perubahan, apabila berkaitan, dalam penyata perubahan dalam ekuiti. Keuntungan dan kerugian yang belum direalisasikan yang timbul daripada urusniaga di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu atau usaha sama dihapuskan setakat kepentingan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama.

Agregat bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian syarikat bersekutu atau usaha sama dibentangkan dalam penyata keuntungan atau kerugian di luar keuntungan operasi dan mewakili keuntungan atau kerugian selepas cukai dan kepentingan tak mengawal dalam subsidiari-subsidiari syarikat bersekutu atau usaha sama.

Penyata kewangan syarikat bersekutu atau usaha sama disediakan untuk tempoh pelaporan yang sama dengan Kumpulan. Apabila perlu, pelarasan dibuat untuk memastikan dasar perakaunan adalah selaras dengan Kumpulan.

Selepas penggunaan kaedah ekuiti, Kumpulan menentukan sama ada kerugian rosotnilai dalam pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama perlu diiktiraf. Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan menentukan sama ada terdapat bukti objektif pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama telah merosotnilai. Jika terdapat bukti tersebut, Kumpulan mengira jumlah rosotnilai sebagai perbezaan di antara jumlah boleh diperolehi dari syarikat bersekutu atau usaha sama dan nilai dibawanya, kemudian kerugian rosotnilai diiktiraf dalam penyata keuntungan atau kerugian.

Kumpulan menilai dan mengiktiraf sebarang pelaburan yang dikekalkan pada nilai saksama apabila pengaruh penting ke atas syarikat bersekutu atau usaha sama ditamatkan. Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa syarikat bersekutu atau usaha sama apabila pengaruh penting hilang dan nilai saksama pelaburan yang dikekalkan dan hasil daripada penjualan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

2.7 Urusniaga dengan kepentingan tak mengawal

Kepentingan tak mengawal mewakili ekuiti dalam subsidiari yang tidak diagihkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada pemilik Syarikat, dan dibentang secara berasingan dalam penyata pendapatan komprehensif dan di dalam ekuiti dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan, berasingan daripada ekuiti yang diagihkan kepada pemilik Syarikat.

Perubahan dalam pemilikan kepentingan Syarikat dalam subsidiari yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan dinyatakan sebagai urusniaga ekuiti. Dalam keadaan sedemikian, nilai dibawa kepentingan mengawal dan tak mengawal diselaraskan untuk menunjukkan perubahan dalam kepentingan relatif dalam subsidiari. Sebarang perbezaan di antara jumlah di mana kepentingan tak mengawal diselaraskan dan nilai saksama balasan yang dibayar atau diterima diiktiraf terus dalam ekuiti dan diagihkan kepada pemilik syarikat induk.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.8 Klasifikasi semasa berbanding dengan bukan semasa

Kumpulan membentangkan aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan berdasarkan klasifikasi semasa/bukan semasa.

Aset diklasifikasikan sebagai semasa apabila ia:

- dijangka akan direalisasikan atau bertujuan untuk dijual atau digunakan dalam kitaran operasi biasa;
- dipegang terutamanya untuk tujuan dagangan;
- dijangka akan direalisasikan dalam tempoh dua belas bulan selepas tarikh pelaporan; atau
- tunai atau kesetaraan tunai melainkan yang dilarang daripada ditukarkan atau digunakan untuk menyelesaikan liabiliti untuk sekurang-kurangnya dua belas bulan selepas tarikh pelaporan.

Kesemua aset yang lain diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

Liabiliti diklasifikasikan sebagai semasa apabila ia:

- dijangka akan diselesaikan dalam kitaran operasi biasa;
- dipegang terutamanya untuk tujuan dagangan;
- dijangka akan diselesaikan dalam tempoh dua belas bulan selepas tarikh pelaporan; atau
- tiada hak tanpa syarat untuk menangguhkan penyelesaian liabiliti untuk sekurang-kurangnya dua belas bulan selepas tarikh pelaporan.

Kumpulan mengelas kesemua liabiliti yang lain sebagai bukan semasa.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diklasifikasikan sebagai aset dan liabiliti bukan semasa.

2.9 Pengukuran nilai saksama

Kumpulan menilai instrumen kewangan, seperti sekuriti pelaburan, dan aset bukan kewangan seperti harta pelaburan, pada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan.

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk aset yang dijual atau yang akan dibayar untuk liabiliti yang dipindahkan dalam suatu urusan yang teratur di antara peserta-peserta pasaran pada tarikh penilaian. Penilaian nilai saksama adalah berdasarkan anggapan bahawa urusan untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku:

- dalam pasaran utama untuk aset atau liabiliti; atau
- di mana tiada pasaran utama, dalam pasaran yang paling berfaedah untuk aset atau liabiliti.

Pasaran utama atau yang paling berfaedah mesti boleh diakses oleh Kumpulan.

Nilai saksama aset atau liabiliti dinilai dengan menggunakan andaian-andaian yang akan digunakan oleh peserta-peserta pasaran untuk menentukan harga aset atau liabiliti, dengan andaian peserta-peserta pasaran bertindak demi kepentingan ekonomi terbaik mereka.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.9 Pengukuran nilai saksama (samb.)

Pengukuran nilai saksama aset bukan kewangan mengambilkira keupayaan peserta pasaran untuk menjanakan manfaat ekonomi dengan menggunakan aset dalam kegunaan yang tertinggi dan terbaik atau dengan menjualnya kepada peserta pasaran yang lain yang akan menggunakan aset itu dalam kegunaan yang tertinggi dan terbaik. Kumpulan menggunakan teknik-teknik penilaian yang sesuai dalam keadaan tertentu dan mempunyai butiran yang mencukupi untuk menilai nilai saksama, memaksimumkan kegunaan input yang boleh diperhatikan dan meminimumkan kegunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Kesemua aset dan liabiliti di mana nilai saksamanya dinilai atau didedahkan dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama, yang diuraikan seperti berikut, berdasarkan input tahap yang terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Tahap 1 – harga pasaran tersiarharga (tidak diselaraskan) dalam pasaran aktif untuk aset atau liabiliti yang sama
- Tahap 2 – teknik-teknik penilaian untuk input tahap yang terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama boleh diperhatikan secara langsung atau tidak langsung
- Tahap 3 – teknik-teknik penilaian untuk input tahap yang terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama tidak boleh diperhatikan

Kumpulan menentukan, untuk aset dan liabiliti yang diiktiraf dalam penyata kewangan secara berulang, sama ada pemindahan telah berlaku di antara tahap dalam hierarki dengan menaksir semula pengkategorian (berdasarkan input tahap yang terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Kumpulan menentukan kelas aset dan liabiliti berdasarkan sifat, ciri-ciri dan risiko aset dan liabiliti dan tahap dalam hierarki nilai saksama seperti yang dinyatakan di atas bagi tujuan pendedahan nilai saksama.

2.10 Mengofset instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan diofset dan jumlah bersih dinyatakan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan jika hak yang boleh dikuatkuasakan dari sisi undang-undang wujud untuk mengofset jumlah yang diiktiraf dan terdapat niat untuk menyelesaikan pada asas bersih, untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti pada masa yang sama.

2.11 Rosotnilai aset bukan kewangan

Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan dan Syarikat menaksir sama ada terdapat tanda-tanda yang sesuatu aset mungkin mengalami kerugian rosotnilai. Jika terdapat sebarang tanda-tanda begitu, atau apabila taksiran rosotnilai tahunan bagi sesuatu aset diperlukan, Kumpulan membuat anggaran jumlah yang boleh dipulih dari aset tersebut.

Jumlah yang boleh dipulih dari aset adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama ditolak kos jualan dan nilai sedang digunakan. Untuk menaksir kerugian rosotnilai, aset-aset dikumpulkan pada aras yang terendah di mana terdapat aliran tunai yang dapat dikenalpasti secara berasingan UJT.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.11 Rosotnilai aset bukan kewangan (samb.)

Untuk menaksir nilai sedang digunakan, anggaran aliran tunai masa depan perlu didiskaunkan kepada nilai kini dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko tertentu kepada aset tersebut. Apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah yang boleh dipulih, aset tersebut akan dihapuskan kepada jumlah yang boleh dipulih. Kerugian rosotnilai yang diiktiraf bagi UJT atau kumpulan UJT diperuntukkan dengan mengurangkan nilai dibawa muhibah yang diperuntukkan kepada UJT atau kumpulan UJT terlebih dahulu, dan kemudiannya dengan mengurangkan nilai dibawa aset-aset yang lain dalam unit atau kumpulan unit pada dasar pro-rata.

Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian kecuali untuk aset yang dahulunya dinilai semula di mana penilaian semula diambil ke pendapatan komprehensif yang lain. Jika begitu, rosotnilai juga diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain sehingga jumlah sebarang penilaian dahulu.

Penaksiran dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang tanda yang kerugian rosotnilai yang dahulunya diiktiraf mungkin tidak wujud lagi atau mungkin telah berkurangan. Sesuatu kerugian rosotnilai yang dahulunya diiktiraf akan dibalikkan jika, dan hanya jika, terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah yang boleh dipulih bagi aset sejak kerugian rosotnilai yang terakhir diiktiraf. Jika begitu, nilai dibawa aset akan bertambah kepada jumlah boleh dipulih. Nilai tambahan tersebut tidak boleh melebihi nilai dibawa yang akan ditentukan, ditolak susutnilai, jika tiada kerugian rosotnilai yang diiktiraf bagi aset tersebut sebelumnya. Pembalikan kerugian rosotnilai tersebut diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada jumlah dinilai semula, di mana pembalikan tersebut dibuat melalui tambahan dalam penilaian semula. Kerugian rosotnilai muhibah tidak dibalikkan bagi tempoh seterusnya.

2.12 Harta tanah, loji dan peralatan

Pada mulanya, harta tanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos. Kos harta tanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika, terdapat kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan kos aset dapat dinilai dengan pasti.

Berikutan pengiktirafan seterusnya, harta tanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul. Apabila bahagian harta tanah, loji dan peralatan yang penting perlu digantikan pada jarak waktu, Kumpulan mengiktiraf bahagian tersebut sebagai aset individu dengan hayat kegunaan dan susutnilai yang tertentu masing-masing. Demikian, apabila pemeriksaan utama dilaksanakan, kos diiktiraf dalam nilai dibawa harta tanah, loji dan peralatan sebagai penggantian jika ia memenuhi kriteria pengiktirafan. Kesemua kos pembaikan dan penyelenggaraan yang lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila dibelanjakan.

Tanah pegangan kekal yang tiada had hayat kegunaannya tidak disusutnilai. Susutnilai diperuntukkan berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat kegunaan aset pada kadar seperti berikut:

Bangunan	2%
Kenderaan bermotor	20%
Perabot, kelengkapan dan ubahsuaian pejabat	10%
Peralatan pejabat dan komputer	10% - 33%

Nilai dibawa harta tanah, loji dan peralatan dikaji semula untuk rosotnilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa nilai dibawa mungkin tidak boleh dipulih.

Nilai sisa, hayat kegunaan dan kaedah susutnilai dikaji semula pada akhir setiap tahun kewangan, dan diselaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Pengiktirafan sesuatu harta tanah, loji dan peralatan dibalikkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi dijangka akan berhasil daripada penggunaan atau pelupusan aset tersebut. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada aset tidak diiktiraf dimasukkan dalam keuntungan atau kerugian dalam tahun aset tersebut tidak diiktiraf.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.13 Harta pelaburan

Pada mulanya, harta pelaburan dinyatakan pada kos, termasuk kos urusniaga. Berikutan pengiktirafan permulaan, harta pelaburan dinyatakan pada nilai saksama yang menggambarkan keadaan pasaran pada tarikh pelaporan. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran urusniaga untuk harta tanah yang sama dan ditentukan oleh penilai berdaftar bebas yang mempunyai kelayakan profesional yang sesuai atau yang diakui dan mempunyai pengalaman terkini di dalam lokasi dan kategori harta tanah yang dinilai. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai saksama harta pelaburan diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian dalam tahun ianya berlaku.

Kepentingan harta tanah di bawah pajakan operasi diklasifikasi dan dinyatakan sebagai harta pelaburan berdasarkan harta tanah ke harta apabila Kumpulan memegangnya untuk memperolehi pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai modal atau kedua-duanya. Sebarang harta tanah di bawah pajakan operasi tersebut yang diklasifikasi sebagai harta pelaburan dinyatakan pada nilai saksama.

Harta pelaburan tidak lagi diiktiraf apabila ianya dilupuskan atau apabila harta pelaburan tidak lagi digunakan dan tiada manfaat ekonomi masa hadapan yang dijangka daripada pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada penamatan penggunaan atau pelupusan harta pelaburan diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian dalam tahun ianya berlaku.

Pindahan daripada atau kepada harta pelaburan dibuat hanya apabila terdapat perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada harta pelaburan kepada harta tanah yang diduduki pemilik, kos anggapan untuk perakaunan kemudiannya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada harta tanah yang diduduki pemilik kepada harta pelaburan, harta tanah dinyatakan mengikut dasar perakaunan untuk harta tanah, loji dan peralatan seperti yang dinyatakan di Nota 2.12 sehingga tarikh perubahan dalam kegunaan.

2.14 Aset kewangan

(a) Pengiktirafan dan pengukuran permulaan

Aset kewangan diklasifikasikan, pada pengiktirafan permulaan, sebagai berikutnya diukur pada kos dilunaskan, nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("OCI") dan nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Klasifikasi aset kewangan pada pengiktirafan permulaan awal bergantung kepada ciri-ciri aliran tunai kontrak aset kewangan dan model perniagaan Kumpulan untuk menguruskan aset tersebut. Kecuali penghutang perdagangan yang tidak mengandungi komponen pembiayaan penting atau yang mana Kumpulan telah menggunakan cara praktikal, Kumpulan pada permulaannya mengukur aset kewangan pada nilai saksama ditambah, bagi aset kewangan yang tidak dinilai pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi. Penghutang perdagangan yang tidak mengandungi komponen pembiayaan penting atau yang mana Kumpulan telah menggunakan cara praktikal diukur pada harga transaksi yang ditentukan di bawah MFRS 15.

Untuk aset kewangan diklasifikasi dan diukur pada kos dilunaskan atau nilai saksama melalui OCI, ia perlu menimbulkan aliran tunai yang merupakan 'pembayaran pokok dan faedah' ("SPPI") ke atas jumlah pokok yang belum dijelaskan. Penilaian ini dirujuk sebagai ujian SPPI dan dilaksanakan pada tahap instrumen.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.14 Aset kewangan (samb.)

(a) Pengiktirafan dan pengukuran permulaan (samb.)

Model perniagaan Kumpulan untuk mengurus aset kewangan merujuk kepada bagaimana Kumpulan mengurus aset kewangan untuk menjana aliran tunai. Model perniagaan menentukan sama ada aliran tunai adalah kesan daripada kutipan aliran tunai kontraktual, penjualan aset kewangan atau kedua-duanya.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau adat biasa dalam pasaran (perdagangan secara biasa) diiktiraf pada tarikh perniagaan, iaitu tarikh Kumpulan memberi komitmen untuk membeli atau menjual aset.

(b) Pengukuran berikutnya

Bagi tujuan pengukuran berikutnya, aset kewangan diklasifikasi kepada empat kategori:

- (i) Aset kewangan pada kos dilunaskan (instrumen hutang);
- (ii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui OCI dengan kitar semula keuntungan dan kerugian terkumpul (instrumen hutang);
- (iii) Aset kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui OCI tanpa kitar semula keuntungan dan kerugian terkumpul atas penyahiktirafan (instrumen ekuiti); dan
- (iv) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Aset kewangan pada kos dilunaskan (instrumen hutang)

Kategori ini adalah yang paling berkaitan dengan Kumpulan. Kumpulan mengukur aset kewangan pada kos yang dilunaskan jika kedua-dua syarat berikut dipenuhi:

- Aset kewangan dipegang dalam model perniagaan dengan objektif pegangan aset kewangan untuk mengumpul aliran tunai kontraktual, dan
- Syarat-syarat kontrak aset kewangan menimbulkan aliran tunai pada tarikh tertentu yang merupakan SPPI ke atas jumlah pokok yang belum dijelaskan.

Aset kewangan pada kos dilunaskan berikutnya diukur dengan menggunakan kaedah faedah efektif dan tertakluk kepada rosotnilai. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila aset tersebut dinyahiktiraf, diubah suai atau dirosotnilai. Aset kewangan Kumpulan dan Syarikat pada kos yang dilunaskan termasuk penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang, dan wang tunai dan baki di bank.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.14 Aset kewangan (samb.)

(c) Penyahiktirafan

Aset kewangan (atau, jika berkenaan, sebahagian daripada aset kewangan atau sebahagian daripada kumpulan aset kewangan yang sama), dinyahiktiraf terutamanya (iaitu dikeluarkan daripada penyata kedudukan kewangan yang disatukan) apabila:

- (i) Hak untuk menerima aliran tunai daripada aset telah luput, atau
- (ii) Kumpulan telah memindahkan hak untuk menerima aliran tunai daripada aset atau telah mengambilalih tanggungjawab untuk membayar aliran tunai yang diterima sepenuhnya tanpa kelewatan ketara kepada pihak ketiga di bawah pengaturan 'pass-through'; dan sama ada (a) Kumpulan telah memindahkan sebahagian besar risiko dan manfaat aset tersebut, atau (b) Kumpulan tidak memindahkan atau mengekalkan sebahagian besar risiko dan manfaat aset tersebut, tetapi telah memindahkan kawalan terhadap aset.

Apabila Kumpulan telah memindahkan hak untuk menerima aliran tunai daripada aset atau mempunyai pengaturan 'pass-through', Kumpulan menilai jika, dan sejauh mana, ia mengekalkan risiko dan manfaat pemilikan. Apabila ia tidak memindahkan atau mengekalkan sebahagian besar risiko dan manfaat aset, dan tidak mengendalikan kawalan aset tersebut, Kumpulan meneruskan pengiktirafan aset yang dipindahkan setakat penglibatan berterusan Kumpulan. Dalam hal ini, Kumpulan juga mengiktiraf liabiliti berkaitan. Aset yang dipindahkan dan liabiliti berkaitan diukur berdasarkan asas yang mencerminkan hak dan tanggungjawab yang dikekalkan oleh Kumpulan.

Penglibatan berterusan dalam bentuk jaminan ke atas aset yang dipindahkan diukur pada nilai terendah di antara nilai dibawa asal aset dan jumlah balasan maksimum yang diperlukan oleh Kumpulan untuk pembayaran balik.

2.15 Rosotnilai aset kewangan

Kumpulan mengiktiraf elaun untuk kerugian kredit yang dijangka ("ECL") untuk semua instrumen hutang yang tidak dipegang pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. ECL adalah berdasarkan perbezaan antara aliran tunai kontraktual yang perlu dibayar mengikut kontrak dan semua aliran tunai yang dijangka akan diterima oleh Kumpulan, yang didiskaunkan pada anggaran kadar faedah efektif asal. Aliran tunai yang dijangka termasuk aliran tunai daripada penjualan cagaran yang dipegang atau peningkatan kredit lain yang penting kepada syarat-syarat kontrak.

ECL diiktiraf dalam dua peringkat. Bagi pendedahan kredit yang tiada peningkatan risiko kredit penting sejak pengiktirafan permulaan, ECL diiktiraf untuk kerugian kredit yang disebabkan oleh kemungkiran yang mungkin berlaku dalam tempoh 12 bulan seterusnya. Bagi pendedahan kredit yang mempunyai kenaikan risiko kredit penting sejak pengiktirafan awal, elaun kerugian diperlukan untuk kerugian kredit yang dijangka sepanjang hayat pendedahan, tanpa mengira masa kemungkiran ("ECL seumur hidup").

Bagi penghutang perdagangan dan aset kontrak, Kumpulan menggunakan pendekatan yang mudah dalam mengira ECL. Oleh itu, Kumpulan tidak mengikuti perubahan dalam risiko kredit, tetapi mengiktiraf elaun kerugian berdasarkan ECL seumur hidup pada setiap tarikh pelaporan. Kumpulan telah menetapkan satu matriks peruntukan yang berdasarkan sejarah pengalaman kerugian kredit, disesuaikan dengan faktor yang berpandangan ke hadapan khusus kepada penghutang dan persekitaran ekonomi.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.15 Rosotnilai aset kewangan (samb.)

Kumpulan menganggap aset kewangan dimungkirkan apabila pembayaran kontrak adalah 90 hari lampau tempoh. Walau bagaimanapun, dalam kes tertentu, Kumpulan juga boleh menganggap aset kewangan dimungkirkan apabila maklumat dalaman atau luaran menunjukkan bahawa Kumpulan tidak mungkin menerima jumlah kontrak yang belum dijelaskan sepenuhnya sebelum mengambil kira sebarang peningkatan kredit yang dipegang oleh Kumpulan. Aset kewangan dilupuskan apabila tiada jangkaan yang munasabah untuk memperolehi aliran tunai kontraktual.

2.16 Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai mengandungi tunai di bank dan di tangan, tuntutan deposit dan deposit jangka pendek dengan tempoh matang tiga bulan atau kurang.

Bagi tujuan penyata-penyata aliran tunai disatukan, tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dan deposit jangka pendek seperti yang dinyatakan di atas.

2.17 Inventori

(a) Hartanah untuk penjualan

Hartanah untuk penjualan yang termasuk tanah dipegang untuk pembangunan hartanah dan hartanah dipegang untuk jualan dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai boleh direalisasikan bersih. Kos hartanah tersebut termasuk kos tanah, pembinaan dan perbelanjaan pembangunan yang sewajarnya. Nilai boleh direalisasikan bersih mewakili anggaran harga jualan dalam urusan perniagaan biasa ditolak anggaran kos untuk penyiapan dan anggaran kos yang perlu untuk jualan.

(b) Tanah untuk pembangunan hartanah

Tanah untuk pembangunan hartanah terdiri daripada tanah di mana tiada aktiviti pembangunan dilaksanakan atau di mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan siap dalam tempoh kitaran kebiasaan operasi. Tanah tersebut diklasifikasi sebagai aset bukan semasa dan dinyatakan pada kos tolak kerugian rosotnilai terkumpul.

Tanah untuk pembangunan hartanah diklasifikasi semula ke kos pembangunan hartanah apabila aktiviti pembangunan telah dilaksanakan dan dijangka akan siap dalam tempoh kitaran kebiasaan operasi.

(c) Kos pembangunan hartanah

Kos pembangunan hartanah terdiri daripada semua kos yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti-aktiviti pembangunan atau kos yang boleh diagihkan berdasarkan asas yang munasabah kepada aktiviti-aktiviti pembangunan tersebut.

Apabila hasil pencapaian aktiviti pembangunan dapat dianggarkan, pendapatan dan kos pembangunan hartanah akan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian berdasarkan tahap penyiapan aktiviti pembangunan. Tahap penyiapan ditentukan berdasarkan nisbah kos pembangunan hartanah yang dibelanjakan kepada jumlah anggaran kos untuk menyudahkan pembangunan hartanah tersebut.

Apabila hasil pencapaian aktiviti pembangunan tidak dapat dianggarkan, pendapatan pembangunan hartanah yang diiktiraf adalah terhad kepada anggaran kos pembangunan hartanah yang dapat diperolehi. Kos pembangunan hartanah bagi hartanah yang telah dijual diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh ianya dibelanjakan.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.17 Inventori (samb.)

(c) Kos pembangunan hartanah (samb.)

Sebarang kerugian yang dijangkakan bagi projek pembangunan, termasuk kos yang akan dibelanjakan dalam tempoh tanggungan ketidaksempurnaan, akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Kos pembangunan hartanah yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan akan diiktiraf sebagai aset dan dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai bersih boleh direalisasikan.

Sekiranya pendapatan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian melebihi tuntutan kepada pembeli, jumlah itu diklasifikasi sebagai akrual tuntutan di dalam lain-lain aset semasa dan jikalau tuntutan kepada pembeli melebihi pendapatan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, jumlah itu diklasifikasi sebagai tuntutan kemajuan di dalam lain-lain liabiliti semasa.

2.18 Kontingensi

Liabiliti atau aset luarjangka adalah kewajipan atau aset yang mungkin timbul daripada peristiwa lampau di mana kewujudan hanya akan disahkan melalui sesuatu peristiwa masa hadapan yang tidak tentu akan berlaku atau tidak berlaku dan tidak kesemuanya dalam kawalan Kumpulan dan Syarikat.

Liabiliti dan aset luarjangka tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat.

2.19 Pajak

Kumpulan dan Syarikat mengiktiraf aset hak penggunaan dan liabiliti pajakan pada tarikh permulaan pajakan. Aset hak penggunaan pada mulanya diukur pada kos, yang terdiri daripada jumlah awal liabiliti pajakan yang diselarasakan untuk sebarang pembayaran pajakan yang dibuat pada atau sebelum tarikh permulaan, ditambah dengan kos langsung dan anggaran kos untuk menanggung dan mengeluarkan aset sandaran atau untuk memulihkan aset sandaran atau tapak di mana ianya terletak, ditolak dengan insentif pajakan yang diterima.

Aset hak penggunaan kemudiannya disusutnilai menggunakan kaedah garis lurus dari tarikh permulaan hingga akhir hayat penggunaan aset hak penggunaan atau akhir tempoh pajakan, yang mana lebih awal. Anggaran hayat kegunaan aset hak penggunaan ditentukan dengan asas yang sama seperti harta tanah, loji dan peralatan seperti berikut:

Premis

2 ke 3 tahun

Tanah pegangan pajak

99 tahun

Di mana terdapat sebarang tanda rosotnilai, nilai dibawa aset hak penggunaan ditaksir dan diturunkan serta-merta kepada nilai yang boleh dipulih. Dasar pengiktirafan dan pengukuran kerugian kemerosotan nilai adalah mengikut Nota 2.11.

Liabiliti pajakan pada mulanya diukur pada nilai kini pembayaran pajakan masa depan pada tarikh permulaan, didiskaun menggunakan kadar kenaikan pinjaman Kumpulan dan Syarikat. Pembayaran pajakan yang termasuk dalam pengukuran liabiliti pajakan termasuk pembayaran tetap, sebarang pembayaran pajakan berubah, jumlah yang dijangka akan dibayar di bawah jaminan nilai sisa, dan harga pelaksanaan di bawah opsyen lanjutan yang Kumpulan dan Syarikat agak pasti akan dilaksanakan.

Liabiliti pajakan diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Ia diukur semula apabila terdapat perubahan dalam pembayaran pajakan masa depan yang timbul daripada perubahan kadar, atau jika Kumpulan dan Syarikat menukar penaksiran sama ada ia akan melaksanakan opsyen sambungan atau penamatan.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.19 Pajakan (samb.)

Pembayaran pajakan berkaitan dengan pajakan jangka pendek dan pajakan aset nilai rendah diiktiraf atas dasar garis lurus sebagai perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian sepanjang tempoh pajakan. Pajakan jangka pendek adalah pajakan dengan tempoh pajakan selama dua belas bulan atau kurang. Aset nilai rendah adalah aset yang bernilai kurang daripada RM20,000 setiap satu apabila dibeli baru.

2.20 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai tanggungan semasa (sah atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lampau dan terdapat kemungkinan aliran keluar sumber ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan tanggungan tersebut dan anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi jumlah tanggungan tersebut.

Peruntukan akan ditaksir semula pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang munasabah. Sekiranya tiada kemungkinan aliran keluar sumber ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan tanggungan, peruntukan dibalikkan. Sekiranya kesan nilai kini wang adalah penting, jumlah peruntukan akan didiskaunkan dengan menggunakan kadar semasa sebelum cukai yang menggambarkan, sekiranya sesuai, risiko tertentu terhadap liabiliti tersebut. Apabila kaedah diskaun digunakan, penambahan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

2.21 Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan diklasifikasi menurut isi kandungan penyusunan kontraktual yang telah dimasukkan dan definisi liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, dalam skop MFRS 139, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontrak terhadap instrumen kewangan. Liabiliti kewangan diklasifikasi sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian atau liabiliti kewangan yang lain.

(a) Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian

Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian termasuk liabiliti kewangan yang dipegang untuk perniagaan dan liabiliti kewangan yang ditetapkan pada permulaan pengiktirafan sebagai pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Liabiliti kewangan yang dipegang untuk dagangan termasuk derivatif yang telah dimasukkan oleh Kumpulan dan Syarikat yang tidak memenuhi kriteria pelindung nilai perakaunan. Pada mulanya, liabiliti derivatif dinyatakan pada nilai saksama dan selepasnya diiktiraf pada nilai saksama, dengan sebarang hasil keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Keuntungan atau kerugian bersih daripada derivatif termasuk perbezaan tukaran.

Kumpulan dan Syarikat tidak menetapkan sebarang liabiliti kewangan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

(b) Liabiliti kewangan yang lain

Liabiliti kewangan yang lain Kumpulan dan Syarikat termasuk pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang dan liabiliti pajakan.

Pada mulanya, pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos urusniaga yang berkaitan secara langsung dan selepasnya dinilai pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.21 Liabiliti kewangan (samb.)

(b) Liabiliti kewangan yang lain (samb.)

Untuk liabiliti kewangan yang lain, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila liabiliti telah tidak diiktiraf, dan melalui proses pelunasan.

Liabiliti kewangan tidak diiktiraf apabila kewajipan di bawah liabiliti telah dihapuskan. Apabila liabiliti kewangan yang ada digantikan oleh yang lain dari peminjam yang sama pada syarat yang sebahagian besarnya berbeza, atau syarat liabiliti yang ada diubah secara ketara, pertukaran atau perubahan tersebut dikenalpasti sebagai penarikbalikan liabiliti yang asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru dan perbezaan dari segi nilai dibawa diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

2.22 Liabiliti kontrak

Liabiliti kontrak adalah tanggungjawab untuk memindahkan barang atau perkhidmatan kepada pelanggan yang mana Kumpulan telah menerima balasan (atau jumlah balasan yang perlu dibayar) daripada pelanggan. Sekiranya pelanggan membayar balasan sebelum Kumpulan memindahkan barangan atau perkhidmatan kepada pelanggan, liabiliti kontrak diiktiraf apabila pembayaran telah dibuat atau bila pembayaran itu perlu dibayar (yang mana lebih awal). Liabiliti kontrak diiktiraf sebagai pendapatan apabila Kumpulan melaksanakan di bawah kontrak.

2.23 Manfaat pekerja

(a) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja. Pampasan ketidakhadiran jangka pendek yang terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan yang diberi oleh pekerja akan menambahkan hak mereka untuk menerima pampasan ketidakhadiran pada masa hadapan. Pampasan ketidakhadiran jangka pendek yang tidak terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(b) Pelan sumbangan dikenalpasti

Pelan sumbangan dikenalpasti adalah pelan manfaat lepas pekerjaan di mana Kumpulan membayar sumbangan ke dalam entiti-entiti atau dana-dana yang berasingan dan tidak mempunyai kewajipan sah untuk membayar sumbangan yang selanjutnya jika satu daripada dana-dana yang terlibat tidak memiliki aset yang mencukupi untuk membayar kesemua manfaat pekerja yang berkaitan dengan perkhidmatan pekerja dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Sumbangan tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam keuntungan atau kerugian bila ia dikenakan. Menurut peruntukan undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membayar sumbangan tersebut kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

(c) Manfaat penamatan

Manfaat penamatan kena dibayar apabila pekerjaan ditamatkan sebelum tarikh persaraan biasa atau apabila pekerja menerima pemberhentian sukarela sebagai pertukaran untuk manfaat tersebut. Kumpulan mengiktiraf manfaat penamatan sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila ia menamatkan pekerjaan pekerja semasa menurut pelan terperinci tanpa kemungkinan penarikan balik, atau memberi manfaat penamatan hasil daripada tawaran yang dibuat untuk menggalakkan penamatan secara sukarela. Dalam kes tawaran yang dibuat untuk menggalakkan penamatan secara sukarela, manfaat penamatan berdasarkan nombor pekerja yang dijangka akan menerima tawaran itu. Manfaat yang perlu dibayar selepas dua belas bulan daripada tarikh pelaporan didiskaunkan kepada nilai kini.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.24 Pengiktirafan hasil

Hasil diiktiraf apabila kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan urusniaga akan berpindah kepada Kumpulan dan hasil boleh dianggarkan dengan pasti. Hasil dinilai pada nilai saksama balasan yang diterima atau akan diterima.

(a) Jualan hartanah dan tanah untuk pembangunan hartanah

Kumpulan mengiktiraf jualan hartanah yang telah siap dan tanah untuk pembangunan hartanah apabila kawalan ke atas hartanah atau tanah telah dipindahkan kepada pembeli, iaitu apabila hartanah atau tanah telah siap dan diserahkan kepada pelanggan dan ianya berkemungkinan bahawa Kumpulan akan menerima balasan yang mana ianya berhak bagi aset yang dijual.

(b) Pendapatan perkhidmatan

Pendapatan perkhidmatan diiktiraf apabila perkhidmatan telah dilaksanakan.

(c) Yuran pengurusan

Yuran pengurusan diiktiraf apabila perkhidmatan telah dilaksanakan.

2.25 Pengiktirafan lain-lain pendapatan

Lain-lain pendapatan diiktiraf apabila kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan urusniaga akan berpindah kepada Kumpulan dan Syarikat dan lain-lain pendapatan boleh dianggarkan dengan pasti. Lain-lain pendapatan dinilai pada nilai saksama balasan yang diterima atau akan diterima, tidak termasuk cukai. Selain daripada dasar pengiktirafan lain-lain pendapatan yang dinyatakan dalam ringkasan dasar perakaunan penting yang lain, berikut adalah dasar pengiktirafan lain-lain pendapatan penting yang digunakan oleh Kumpulan dan Syarikat:

(a) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf pada asas akrual dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

(b) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran telah dipastikan.

(c) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa diiktiraf berdasarkan pada kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.26 Pihak berkaitan

Definisi pihak berkaitan adalah seperti berikut:

(a) seseorang atau ahli keluarganya yang terdekat mempunyai kaitan dengan Syarikat sekiranya ia:

- (i) mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas Syarikat;
- (ii) mempunyai pengaruh penting ke atas Syarikat; atau
- (iii) merupakan ahli personel pengurusan utama Syarikat atau syarikat induk.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.26 Pihak berkaitan (samb.)

Definisi pihak berkaitan adalah seperti berikut: (samb.)

(b) sesebuah entiti mempunyai kaitan dengan Syarikat sekiranya memenuhi mana-mana syarat berikut:

- (i) sekiranya entiti tersebut dan Syarikat merupakan ahli Kumpulan (bermakna setiap syarikat induk, subsidiari dan rakan subsidiari mempunyai kaitan antara satu sama lain);
- (ii) sebuah entiti adalah syarikat bersekutu atau usaha sama bagi sebuah entiti yang lain (atau syarikat bersekutu atau usaha sama dalam Kumpulan yang mana entiti lain itu merupakan ahli);
- (iii) kedua-dua entiti adalah usaha sama bagi pihak ketiga yang sama;
- (iv) sebuah entiti adalah usaha sama bagi sebuah entiti ketiga dan sebuah entiti lain adalah syarikat bersekutu bagi entiti ketiga tersebut;
- (v) entiti tersebut merupakan pelan manfaat lepas pekerjaan untuk manfaat kakitangan sama ada untuk Syarikat atau entiti yang mempunyai kaitan dengan Syarikat;
- (vi) entiti tersebut dikawal atau dikawal bersama oleh seseorang yang dikenalpasti di (a); atau
- (vii) seseorang yang dikenalpasti di (a)(i) mempunyai pengaruh penting ke atas entiti tersebut atau merupakan ahli personel pengurusan utama entiti tersebut (atau syarikat induk entiti tersebut).

2.27 Aset diklasifikasi sebagai dipegang untuk dijual

Aset diklasifikasi sebagai dipegang untuk dijual dinyatakan pada nilai terendah antara nilai dibawa dan nilai saksama ditolak kos jualan jika nilai dibawa akan diperolehi semula melalui urusan jualan dan bukannya penggunaan berterusan. Syarat ini dianggap telah dipenuhi hanya apabila jualan berkemungkinan besar akan berlaku dan aset atau kumpulan pelupusan tersedia untuk dijual serta-merta dalam keadaan sedia ada.

Aset tidak disusutnilai atau dilunaskan semasa ia diklasifikasi sebagai dipegang untuk dijual.

Aset diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dijual dibentangkan secara berasingan sebagai item bukan semasa dalam penyata kedudukan kewangan.

2.28 Cukai

(a) Cukai semasa

Aset dan liabiliti cukai semasa dinilai pada jumlah yang dijangka akan dikutip daripada atau dibayar kepada pihak cukai yang berkuasa. Kadar cukai dan perundangan cukai yang digunakan untuk mengira jumlah yang timbul adalah yang telah digubal atau sebahagian besarnya telah digubal pada tarikh pelaporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali setakat mana cukai itu berkaitan dengan butiran yang diiktiraf di luar keuntungan atau kerugian, sama ada dalam pendapatan komprehensif yang lain atau secara langsung dalam ekuiti.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.28 Cukai (samb.)

(b) Cukai tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh pelaporan di antara dasar cukai aset dan liabiliti dan nilai dibawa bagi tujuan laporan kewangan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara, kecuali:

- di mana liabiliti cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan permulaan bagi muhibah atau aset atau liabiliti dalam urusanniaga yang bukan dari kombinasi perniagaan dan, pada masa urusanniaga, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau keuntungan atau kerugian yang boleh dicukai; dan
- mengenai perbezaan sementara yang boleh dicukai yang berkaitan dengan pelaburan dalam subsidiari-subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama, di mana pengaturan masa pembalikan perbezaan sementara boleh dikawal dan ada kemungkinan perbezaan sementara tidak akan dibalikkan pada masa depan yang dapat diramalkan.

Aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang dibenarkan untuk taksiran cukai, kredit cukai belum diguna dan kerugian cukai belum diguna yang dibawa ke hadapan, sehingga di mana ada kemungkinan keuntungan yang boleh dicukai sedia ada untuk menggunakan perbezaan sementara yang dibenarkan untuk taksiran cukai, kredit cukai belum diguna dan kerugian cukai belum diguna kecuali:

- di mana aset cukai tertunda yang berkaitan dengan perbezaan sementara yang dibenarkan untuk taksiran cukai timbul daripada pengiktirafan permulaan bagi aset atau liabiliti dalam urusanniaga yang bukan dari kombinasi perniagaan dan, pada masa urusanniaga, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau keuntungan atau kerugian yang boleh dicukai; dan
- mengenai perbezaan sementara yang dibenarkan untuk taksiran cukai yang berkaitan dengan pelaburan dalam subsidiari-subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama, aset cukai tertunda diiktiraf hanya sehingga ada kemungkinan perbezaan sementara akan dibalikkan dalam masa depan yang dapat diramalkan dan keuntungan yang boleh dicukai sedia ada untuk menggunakan perbezaan sementara.

Nilai dibawa aset cukai tertunda disemak semula pada tarikh pelaporan dan dikurangkan sehingga tiada lagi kemungkinan keuntungan yang boleh dicukai yang mencukupi akan sedia ada untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda digunakan. Aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf ditaksir semula pada tarikh pelaporan dan diiktiraf sehingga ada kemungkinan keuntungan yang boleh dicukai pada masa depan membolehkan aset cukai tertunda digunakan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda dinilai pada kadar cukai yang dijangka akan dipakai dalam tahun aset itu direalisasikan atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai dan perundangan cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya telah digubal pada tarikh pelaporan.

Cukai tertunda yang berkaitan dengan butiran yang diiktiraf di luar keuntungan atau kerugian diiktiraf di luar keuntungan atau kerugian. Butiran cukai tertunda diiktiraf secara hubungkait kepada urusanniaga yang mendasari sama ada dalam pendapatan komprehensif yang lain atau secara langsung dalam ekuiti dan cukai tertunda yang timbul daripada kombinasi perniagaan adalah diselaraskan terhadap muhibah daripada pengambilalihan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda adalah diimbangi, jika hak yang boleh dikuatkuasakan dari sisi undang-undang wujud untuk mengimbangi aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan cukai tertunda berkaitan dengan entiti yang boleh dicukai yang sama dan penguatkuasa cukai yang sama.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.28 Cukai (samb.)

(c) Cukai jualan dan cukai barangan dan perkhidmatan ("CBP")

Hasil, perbelanjaan dan aset diiktiraf pada jumlah selepas ditolak jumlah cukai jualan dan CBP kecuali:

- cukai jualan dan CBP yang dibelanjakan untuk pembelian aset atau perkhidmatan yang tidak boleh dikembalikan oleh penguatkuasa cukai, di mana CBP diiktiraf sebagai sebahagian daripada kos pembelian aset atau perbelanjaan; dan
- penghutang dan pemiutang yang dinyatakan termasuk jumlah cukai jualan dan CBP.

Jumlah bersih cukai jualan dan CBP yang boleh dikembalikan oleh, atau kena dibayar kepada penguatkuasa cukai termasuk di dalam sebahagian daripada penghutang atau pemiutang di dalam penyata kedudukan kewangan.

2.29 Matawang asing

(a) Matawang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan individu setiap entiti di dalam Kumpulan dinyatakan dengan menggunakan matawang persekitaran ekonomi utama di mana entiti beroperasi ("matawang fungsian"). Penyata kewangan yang disatukan adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang juga merupakan matawang fungsian Syarikat.

(b) Urusniaga matawang asing

Urusniaga matawang asing dinilai dalam matawang fungsian Syarikat dan subsidiari-subsidiari masing-masing dan direkodkan pada pengiktirafan permulaan dalam matawang fungsian pada kadar tukaran yang menghampiri kadar semasa pada tarikh urusniaga. Aset dan liabiliti bersifat kewangan yang didenominasikan dalam matawang asing ditukarkan pada kadar semasa pada tarikh pelaporan.

Aset dan liabiliti tidak bersifat kewangan yang didenominasikan dalam matawang asing yang dinilai pada kos sejarah ditukarkan dengan menggunakan kadar tukaran pada tarikh ianya mula diurusniagakan. Butiran tidak bersifat kewangan yang didenominasikan dalam matawang asing yang dinilai pada nilai saksama ditukarkan dengan menggunakan kadar tukaran pada tarikh nilai saksamanya ditentukan.

Perbezaan tukaran yang timbul daripada penyelesaian butiran bersifat kewangan atau pada tukaran butiran bersifat kewangan pada tarikh pelaporan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian kecuali untuk perbezaan tukaran yang timbul daripada butiran bersifat kewangan yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi asing, yang diiktiraf pada mulanya dalam pendapatan komprehensif yang lain dan terkumpul di bawah rizab tukaran matawang asing dalam ekuiti. Rizab tukaran matawang asing diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada keuntungan atau kerugian Kumpulan semasa pelupusan operasi asing.

Perbezaan tukaran yang timbul daripada penterjemahan butiran tidak bersifat kewangan yang dinyatakan pada nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh yang berkenaan kecuali untuk perbezaan yang timbul daripada penterjemahan butiran tidak bersifat kewangan di mana keuntungan dan kerugian diiktiraf terus dalam ekuiti. Perbezaan tukaran yang timbul daripada butiran tidak bersifat kewangan tersebut juga diiktiraf terus dalam ekuiti.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.30 Modal saham

Instrumen ekuiti adalah sebarang kontrak yang membuktikan sisa faedah dalam aset Kumpulan dan Syarikat selepas menolak kesemua liabilitinya. Saham-saham biasa adalah instrumen ekuiti.

Saham biasa dinyatakan pada hasil yang diterima, ditolak peningkatan kos urusniaga yang berkaitan secara langsung. Saham biasa diklasifikasi sebagai ekuiti. Dividen daripada saham biasa diiktiraf dalam ekuiti dalam tempoh ianya diisytiharkan.

3. ANGGARAN PERAKAUNAN DAN PERTIMBANGAN PENTING

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti yang dilaporkan, dan pendedahan tentang liabiliti luarjangka pada tarikh pelaporan. Walaubagaimanapun, ketidakpastian mengenai andaian tersebut boleh menyebabkan keputusan yang memerlukan pelarasan yang ketara kepada nilai dibawa aset dan liabiliti yang terjejas pada masa depan.

3.1 Pertimbangan yang dibuat dalam penggunaan dasar-dasar perakaunan

Dalam proses menerima pakai dasar-dasar perakaunan Kumpulan, pihak pengurusan telah membuat pertimbangan berikut, selain daripada yang melibatkan anggaran, yang mempunyai kesan yang paling ketara ke atas jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

Tempoh pajakan kontrak dengan opsyen pembaharuan

Kumpulan dan Syarikat menentukan tempoh pajakan sebagai tempoh pajakan tidak boleh dibatalkan, bersama dengan sebarang tempoh yang diliputi oleh opsyen untuk melanjutkan pajakan sekiranya ia mempunyai kepastian munasabah akan dilaksanakan, atau sebarang tempoh yang diliputi oleh opsyen untuk menamatkan pajakan, jika ia mempunyai kepastian munasabah tidak akan dilaksanakan.

Kumpulan dan Syarikat mempunyai kontrak pajakan yang termasuk opsyen lanjutan. Kumpulan dan Syarikat menggunakan pertimbangan untuk menilai jika ada kepastian munasabah sama ada untuk melaksanakan opsyen untuk memperbaharui pajakan. Iaitu, ia menimbangkan semua faktor yang berkaitan yang mewujudkan insentif ekonomi untuk melaksanakan pembaharuan tersebut. Selepas tarikh pelaksanaan, Kumpulan dan Syarikat menilai semula tempoh pajakan sekiranya terdapat peristiwa penting atau perubahan dalam keadaan di dalam kawalannya dan menjejaskan keupayaannya untuk melaksanakan atau tidak melaksanakan opsyen untuk memperbaharui. Kumpulan dan Syarikat memasukkan tempoh pembaharuan sebagai sebahagian daripada tempoh pajakan untuk pajakan premis.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

(samb.)

3. ANGGARAN PERAKAUNAN DAN PERTIMBANGAN PENTING (samb.)

3.2 Sumber-sumber penting daripada ketidakpastian anggaran

Andaian penting yang berhubung dengan masa hadapan dan sumber-sumber penting daripada ketidakpastian anggaran yang lain pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko penting yang akan menyebabkan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa aset-aset dan liabiliti-liabiliti dalam tahun kewangan yang akan datang dinyatakan di bawah:

(a) Rosotnilai harta tanah, loji dan peralatan

Kumpulan menaksir pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif yang aset bukan kewangan telah merosotnilai. Harta tanah, loji dan peralatan diuji untuk rosotnilai apabila terdapat petunjuk bahawa nilai dibawa mungkin tidak dapat dipulih. Rosotnilai wujud apabila nilai dibawa aset atau unit janaan tunai melebihi jumlah yang boleh dipulih. Pengiraan nilai saksama bagi kos jualan adalah berdasarkan data sedia ada daripada urusan jualan dalam keadaan perniagaan biasa bagi aset yang sama atau harga pasaran yang boleh diperhatikan ditolak kos tambahan untuk menjual aset tersebut. Apabila pengiraan nilai dalam penggunaan digunakan, pihak pengurusan mesti menganggarkan aliran tunai masa depan yang dijangka daripada aset atau unit janaan tunai dan memilih kadar diskaun yang sesuai untuk mengira nilai kini aliran tunai tersebut.

Butiran selanjutnya dinyatakan di Nota 12.

(b) Rosotnilai pelaburan dalam subsidiari-subsidiari

Pelaburan dikaji untuk rosotnilai setiap tahun dan pada masa yang lain apabila terdapat petunjuk yang wujud. Ia memerlukan anggaran nilai dalam kegunaan bagi unit janaan tunai di mana pelaburan telah diperuntukkan.

Apabila pengiraan nilai dalam kegunaan dilaksanakan, pihak pengurusan mesti menganggarkan aliran tunai masa depan yang dijangka daripada aset atau unit janaan tunai dan memilih kadar diskaun yang sesuai untuk mengira nilai kini aliran tunai tersebut. Butiran tambahan tentang nilai dibawa dan andaian penting yang digunakan dalam penilaian rosotnilai pelaburan telah dinyatakan di Nota 15.

(c) Pembangunan hartanah

Kumpulan mengiktiraf pendapatan dan perbelanjaan pembangunan hartanah dalam penyata pendapatan komprehensif dengan menggunakan kaedah tahap penyiapan aktiviti pembangunan. Tahap penyiapan ditentukan berdasarkan nisbah kos pembangunan hartanah yang dibelanjakan kepada jumlah anggaran kos untuk menyiapkan pembangunan hartanah tersebut.

Anggaran penting perlu dibuat untuk menentukan tahap penyiapan, kos pembangunan hartanah yang dibelanjakan, jumlah anggaran pendapatan dan kos pembangunan hartanah, dan juga pemulihan kos pembangunan hartanah. Anggaran yang dilakukan oleh Kumpulan dengan penilaian berdasarkan pengalaman terdahulu dan bergantung kepada kerja pakar-pakar.

Nilai dibawa aset and liabiliti Kumpulan yang timbul daripada aktiviti pembangunan hartanah dinyatakan di Nota 13.

(d) Rosotnilai penghutang

Kumpulan menaksir pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif yang aset kewangan telah merosotnilai. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosotnilai, Kumpulan menimbang faktor seperti kemungkinan menjadi muflis atau tekanan kewangan yang ketara yang dihadapi oleh penghutang dan kemungkinan atau kelewatan bayaran yang ketara.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

3. ANGGARAN PERAKAUNAN DAN PERTIMBANGAN PENTING (samb.)

3.2 Sumber-sumber penting daripada ketidakpastian anggaran (samb.)

(d) Rosotnilai penghutang (samb.)

Di mana terdapat bukti objektif rosotnilai, jumlah dan pengaturan masa aliran tunai masa depan dianggar berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai sifat risiko kredit yang sama. Jumlah penghutang Kumpulan dan Syarikat pada tarikh pelaporan dinyatakan di Nota 19.

(e) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua kerugian yang belum diguna dan elaun modal yang belum diserap sehingga ada kemungkinan keuntungan yang boleh dicukai sedia ada untuk menggunakan kerugian dan elaun modal tersebut. Penghakiman pihak pengurusan yang penting diperlukan untuk menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan pengaturan masa yang mungkin dan paras keuntungan yang boleh dicukai masa depan bersama dengan strategi perancangan percukaian masa depan.

Andaian mengenai penjaan keuntungan yang boleh dicukai masa depan bergantung kepada anggaran aliran tunai masa depan pihak pengurusan. Ini bergantung kepada anggaran hasil kontrak dan pembangunan masa hadapan, kos operasi, perbelanjaan modal, dividen dan urusniaga pengurusan modal yang lain. Penghakiman juga diperlukan mengenai penggunaan perundangan cukai pendapatan. Penghakiman dan andaian tersebut tertakluk kepada risiko dan ketidakpastian, oleh sebab itu terdapat kemungkinan perubahan dalam keadaan akan mengubah jangkaan, yang akan mempengaruhi jumlah aset cukai tertunda diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan dan jumlah kerugian cukai yang tidak diiktiraf dan perbezaan sementara yang tidak diiktiraf.

Nilai dibawa jumlah aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf oleh Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2021 adalah RM77,639,000 (2020: RM132,805,000) dan RM7,303,000 (2020: RM7,384,000) masing-masing. Butiran yang selanjutnya dinyatakan di Nota 27.

4. HASIL

	Kumpulan		Syarikat	
	2021	2020	2021	2020
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pendapatan kontrak dengan pelanggan				
Penjualan hartanah dan pembangunan hartanah	12,139	4,701	-	-
Pendapatan perkhidmatan	431	619	-	-
	12,570	5,320	-	-
Hasil lain				
Pendapatan dividen:				
- subsidiari-subsidiari	-	-	-	177,136
- sekuriti pelaburan	1,800	775	-	-
Yuran pengurusan:				
- subsidiari-subsidiari	-	-	402	388
	1,800	775	402	177,524
Jumlah hasil	14,370	6,095	402	177,524

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

(samb.)

4. HASIL (samb.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2021	2020	2021	2020
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pendapatan kontrak dengan pelanggan:				
Pasaran geografi				
Dalam Malaysia	12,570	5,320	-	-
Masa pengiktirafan				
Pada satu masa	12,570	5,320	-	-

5. LAIN-LAIN PENDAPATAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2021	2020	2021	2020
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pendapatan faedah	977	1,812	386	732
Pendapatan sewa	266	138	-	-
Pengiktirafan pendapatan tertunda (Nota 31)	-	8	-	-
Keuntungan daripada penjualan harta tanah, loji dan peralatan	40	30	40	30
Keuntungan daripada penjualan aset diklasifikasi sebagai dipegang untuk dijual	-	5,010	-	-
Keuntungan daripada pemisahan penyatuan usaha sama	-	6	-	-
Keuntungan daripada penamatan pajakan	-	1	-	-
Pembalikan rosotnilai tanah untuk pembangunan hartanah (Nota 13)	55,000	-	-	-
Pembalikan rosotnilai penghutang perdagangan (Nota 19(a))	1,185	-	-	-
Pembalikan rosotnilai lain-lain penghutang (Nota 19(c)):	-	4,080	54,777	4,080
- subsidiari-subsidiari	-	-	54,777	-
- pihak ketiga	-	4,080	-	4,080
Penepian hutang kepada subsidiari-subsidiari	-	-	78,967	-
Pembalikan kos diakru	376	-	-	-
Pembalikan peruntukan (Nota 23)	1,120	-	-	-
Pelaras nilai pasaran saksama sekuriti pelaburan	284	-	102	-
Lain-lain	772	708	47	48
	60,020	11,793	134,319	4,890

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

6. KOS KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2021	2020	2021	2020
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Perbelanjaan faedah atas liabiliti sewabeli	-	4	-	4
Perbelanjaan faedah atas liabiliti pajakan (Nota 25)	10	14	10	8
	10	18	10	12

7. KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI

Termasuk di dalam keuntungan sebelum cukai adalah:

	Kumpulan		Syarikat	
	2021	2020	2021	2020
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Perbelanjaan manfaat pekerja (Nota 8)	6,524	6,921	3,752	4,130
Ganjaran juruaudit:				
- audit tahun semasa	133	167	45	45
- (lebih)/kurangan peruntukan dalam tahun-tahun lepas	(24)	4	-	-
Ganjaran pengarah bukan eksekutif (Nota 9):				
- yuran	176	155	76	65
- lain-lain emolumen	2	3	2	3
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan (Nota 12)	537	559	388	394
Rosotnilai pelaburan dalam subsidiari-subsidiari (Nota 15(b))	-	-	79,012	3,211
Rosotnilai penghutang perdagangan (Nota 19(a))	-	1,185	-	-
Rosotnilai lain-lain penghutang (Nota 19(c)):	19	-	-	25
- pihak ketiga	19	-	-	-
- subsidiari-subsidiari	-	-	-	25
Muhibah syarikat bersekutu dihapuskan	134	-	-	-
Sewa peralatan	39	41	28	26
Susutnilai aset hak penggunaan (Nota 25)	149	232	115	136
Pelarasan nilai pasaran saksama sekuriti pelaburan	-	61	-	29
Keuntungan daripada penjualan aset diklasifikasi sebagai dipegang untuk dijual	(839)	-	-	-

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

(samb.)

8. PERBELANJAAN MANFAAT PEKERJA

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Gaji dan upah	5,346	5,715	2,995	3,391
Sumbangan kepada pelan sumbangan dikenalpasti	829	998	436	570
Sumbangan keselamatan sosial	29	32	17	17
Lain-lain manfaat	320	176	304	152
	6,524	6,921	3,752	4,130

Termasuk dalam perbelanjaan manfaat pekerja ialah ganjaran pengarah-pengarah eksekutif Kumpulan dan Syarikat berjumlah RM672,000 (2020: RM672,000) seperti yang dinyatakan di Nota 9.

9. GANJARAN PENGARAH-PENGARAH

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Ganjaran pengarah-pengarah eksekutif (Nota 8):				
Gaji dan lain-lain emolumen	600	600	600	600
Sumbangan kepada pelan sumbangan dikenalpasti	72	72	72	72
	672	672	672	672
Ganjaran pengarah-pengarah bukan eksekutif (Nota 7):				
Yuran	176	155	76	65
Lain-lain emolumen	2	3	2	3
	178	158	78	68
Jumlah ganjaran pengarah-pengarah (Nota 33(b))	850	830	750	740

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

10. PERBELANJAAN CUKAI

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Cukai pendapatan				
- peruntukan tahun semasa	174	21	21	15
- kurangan peruntukan dalam tahun-tahun lepas	2	-	-	-
	176	21	21	15
Cukai keuntungan harta tanah	(13)	1,601	-	-
Cukai tertunda (Nota 27)				
- peruntukan tahun semasa	(2)	(1,088)	-	-
Perbelanjaan cukai	161	534	21	15

Kadar cukai berkanun Malaysia pada tahun taksiran 2021 adalah 24% (2020: 24%).

Penyesuaian perbelanjaan cukai yang berkenaan dengan keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai berkanun kepada perbelanjaan cukai pada kadar cukai efektif Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Keuntungan sebelum cukai	66,963	2,686	49,588	169,761
Cukai pada kadar berkanun di Malaysia sebanyak 24% (2020: 24%)	16,071	644	11,901	40,742
Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(29,154)	(4,037)	(32,193)	(42,673)
Cukai keuntungan harta tanah	(13)	1,601	-	-
Perbelanjaan yang tidak dibenarkan untuk tujuan percukaian	26,495	2,532	20,332	2,038
Penggunaan aset cukai tertunda yang sehingga kini belum diiktiraf	(13,240)	-	(19)	(92)
Aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf dalam tahun semasa	-	894	-	-
Kurangan peruntukan cukai dalam tahun-tahun lepas:				
- cukai pendapatan	2	-	-	-
Cukai tertunda direalisasikan semasa penjualan hartanah pelaburan	-	(1,100)	-	-
Perbelanjaan cukai	161	534	21	15

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

(samb.)

11. DIVIDEN

	Kumpulan dan Syarikat			
	Dividen untuk tahun		Dividen diiktiraf dalam tahun	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Diiktiraf dalam tahun:				
Dividen interim untuk 2020: 5% ke atas 248,335,929 saham biasa (5 sen sesaham)	-	12,417	-	12,417
Dividen interim untuk 2021: 20% ke atas 248,335,929 saham biasa (20 sen sesaham)	49,667	-	49,667	-
	49,667	12,417	49,667	12,417

Dividen tahap tunggal interim untuk tahun kewangan yang akan berakhir 31 Disember 2022 sebanyak 35% ke atas 248,335,929 saham biasa berjumlah RM86,917,575 (35 sen sesaham) telah diisytihar pada 17 Februari 2022 dan dibayar pada 25 Februari 2022.

12. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Tanah dan bangunan*	Kenderaan bermotor	Perabot, kelengkapan dan ubahsuaian pejabat	Peralatan pejabat dan komputer	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kumpulan					
Pada 31 Disember 2021					
Kos					
Pada 1 Januari 2021	13,875	2,370	1,972	2,580	20,797
Tambahan	-	850	-	37	887
Penjualan	-	(727)	-	-	(727)
Pelupusan	-	-	-	(74)	(74)
Pada 31 Disember 2021	13,875	2,493	1,972	2,543	20,883

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

12. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)

	Tanah dan bangunan*	Kenderaan bermotor	Perabot, kelengkapan dan ubahsuaian pejabat	Peralatan pejabat dan komputer	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kumpulan (samb.)					
Pada 31 Disember 2021 (samb.)					
Susutnilai dan rosotnilai terkumpul					
Pada 1 Januari 2021	9,392	1,966	1,888	2,408	15,654
Susutnilai bagi tahun semasa (Nota 7)	112	332	27	66	537
Penjualan	-	(727)	-	-	(727)
Pelupusan	-	-	-	(74)	(74)
Pada 31 Disember 2021	9,504	1,571	1,915	2,400	15,390
Dianalisiskan sebagai:					
Susutnilai terkumpul	2,127	1,571	877	2,400	6,975
Rosotnilai terkumpul	7,377	-	1,038	-	8,415
Pada 31 Disember 2021	9,504	1,571	1,915	2,400	15,390
Nilai dibawa bersih					
Pada 31 Disember 2021	4,371	922	57	143	5,493
Pada 31 Disember 2020					
Kos					
Pada 1 Januari 2020	13,875	2,680	2,191	2,543	21,289
Tambahan	-	-	-	47	47
Penjualan	-	(310)	-	-	(310)
Pelupusan	-	-	(219)	(10)	(229)
Pada 31 Disember 2020	13,875	2,370	1,972	2,580	20,797
Susutnilai dan rosotnilai terkumpul					
Pada 1 Januari 2020	9,280	1,919	2,077	2,358	15,634
Susutnilai bagi tahun semasa (Nota 7)	112	357	30	60	559
Penjualan	-	(310)	-	-	(310)
Pelupusan	-	-	(219)	(10)	(229)
Pada 31 Disember 2020	9,392	1,966	1,888	2,408	15,654
Dianalisiskan sebagai:					
Susutnilai terkumpul	2,015	1,966	850	2,408	7,239
Rosotnilai terkumpul	7,377	-	1,038	-	8,415
Pada 31 Disember 2020	9,392	1,966	1,888	2,408	15,654
Nilai dibawa bersih					
Pada 31 Disember 2020	4,483	404	84	172	5,143

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

(samb.)

12. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)

* KOMPOSISI TANAH DAN BANGUNAN

	Tanah pegangan kekal RM'000	Bangunan RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan			
Pada 31 Disember 2021			
Kos			
Pada 1 Januari 2021/31 Disember 2021	196	13,679	13,875
Susutnilai dan rosotnilai terkumpul			
Pada 1 Januari 2021	196	9,196	9,392
Susutnilai bagi tahun semasa	-	112	112
Pada 31 Disember 2021	196	9,308	9,504
Nilai dibawa bersih			
Pada 31 Disember 2021	-	4,371	4,371
Pada 31 Disember 2020			
Kos			
Pada 1 Januari 2020/31 Disember 2020	196	13,679	13,875
Susutnilai dan rosotnilai terkumpul			
Pada 1 Januari 2020	196	9,084	9,280
Susutnilai bagi tahun semasa	-	112	112
Pada 31 Disember 2020	196	9,196	9,392
Nilai dibawa bersih			
Pada 31 Disember 2020	-	4,483	4,483

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

12. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)

	Kenderaan bermotor RM'000	Perabot, kelengkapan dan ubahsuaian pejabat RM'000	Peralatan pejabat dan komputer RM'000	Jumlah RM'000
Syarikat				
Pada 31 Disember 2021				
Kos				
Pada 1 Januari 2021	2,092	244	1,596	3,932
Tambahan	850	-	37	887
Penjualan	(727)	-	-	(727)
Pada 31 Disember 2021	2,215	244	1,633	4,092
Susutnilai terkumpul				
Pada 1 Januari 2021	1,684	179	1,497	3,360
Susutnilai bagi tahun semasa (Nota 7)	332	19	37	388
Penjualan	(727)	-	-	(727)
Pada 31 Disember 2021	1,289	198	1,534	3,021
Nilai dibawa bersih				
Pada 31 Disember 2021	926	46	99	1,071
Pada 31 Disember 2020				
Kos				
Pada 1 Januari 2020	2,402	463	1,559	4,424
Tambahan	-	-	47	47
Penjualan	(310)	-	-	(310)
Pelupusan	-	(219)	(10)	(229)
Pada 31 Disember 2020	2,092	244	1,596	3,932
Susutnilai terkumpul				
Pada 1 Januari 2020	1,648	378	1,479	3,505
Susutnilai bagi tahun semasa (Nota 7)	346	20	28	394
Penjualan	(310)	-	-	(310)
Pelupusan	-	(219)	(10)	(229)
Pada 31 Disember 2020	1,684	179	1,497	3,360
Nilai dibawa bersih				
Pada 31 Disember 2020	408	65	99	572

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

(samb.)

12. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)

Aset dipegang melalui perjanjian sewabeli

Aliran tunai untuk pengambilalihan harta tanah, loji dan peralatan Kumpulan dan Syarikat berjumlah RM887,000 (2020: RM47,000).

Aset yang dipegang sebagai amanah oleh personel pengurusan utama Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan semasa mempunyai nilai dibawa bersih berjumlah RM88,000 (2020: RM239,000).

13. INVENTORI

Semasa

(a) Hartanah untuk penjualan

	Kumpulan	
	2021	2020
	RM'000	RM'000
Pada kos:		
Hartanah dipegang untuk jualan	30,569	37,551

(b) Kos pembangunan hartanah

	Kumpulan	
	2021	2020
	RM'000	RM'000
Kos pembangunan hartanah pada 1 Januari:		
Tanah pegangan kekal	50,379	50,379
Tanah pegangan pajak	18,697	18,697
Perbelanjaan pembangunan	75,203	75,105
	144,279	144,181
Perbelanjaan tahun semasa:		
Perbelanjaan pembangunan	116	98
	144,395	144,279
Pengurangan untuk projek-projek telah siap	(32,545)	-
	111,850	144,279
Perbelanjaan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian:		
Pada 1 Januari	(86,147)	(86,147)
Pengurangan untuk projek-projek telah siap	32,545	-
Pada 31 Disember	(53,602)	(86,147)
Kos pembangunan hartanah pada 31 Disember	58,248	58,132
Jumlah inventori semasa	88,817	95,683

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

13. INVENTORI (samb.)

Bukan semasa

Tanah untuk pembangunan hartanah

	Tanah pegangan kekal RM'000	Tanah pegangan pajak RM'000	Kos pembangunan RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan				
Pada 31 Disember 2021				
Kos				
Pada 1 Januari 2021	141,083	65,944	60,642	267,669
Tambahan	-	-	1,043	1,043
Penjualan	(86)	-	(261)	(347)
Pelarasan	(55,000)	-	-	(55,000)
Pada 31 Disember 2021	85,997	65,944	61,424	213,365
Kerugian rosotnilai terkumpul				
Pada 1 Januari 2021	(55,000)	-	(4,749)	(59,749)
Pembalikan rosotnilai tahun semasa (Nota 5)	55,000	-	-	55,000
Pada 31 Disember 2021	-	-	(4,749)	(4,749)
Nilai dibawa bersih				
Pada 31 Disember 2021	85,997	65,944	56,675	208,616

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

(samb.)

13. INVENTORI (samb.)

Bukan semasa (samb.)

Tanah untuk pembangunan hartanah (samb.)

	Tanah pegangan kekal RM'000	Tanah pegangan pajak RM'000	Kos pembangunan RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan (samb.)				
Pada 31 Disember 2020				
Kos				
Pada 1 Januari 2020	141,097	66,055	60,068	267,220
Tambahan	-	-	597	597
Penjualan	(14)	-	(23)	(37)
Pindahan ke aset diklasifikasi sebagai dipegang untuk dijual (Nota 22)	-	(111)	-	(111)
Pada 31 Disember 2020	141,083	65,944	60,642	267,669
Kerugian rosotnilai terkumpul				
Pada 1 Januari 2020/31 Disember 2020	(55,000)	-	(4,749)	(59,749)
Nilai dibawa bersih				
Pada 31 Disember 2020	86,083	65,944	55,893	207,920

Tanah untuk pembangunan hartanah berjumlah RM62,695,000 (2020: RM62,695,000) adalah tertakluk kepada pertikaian undang-undang.

Rosotnilai tanah untuk pembangunan hartanah

Rosotnilai mewakili pengurangan bagi tanah untuk pembangunan hartanah kepada jumlah yang boleh dipulih kisan daripada perubahan nilai saksama. Nilai yang boleh dipulih adalah berdasarkan kepada nilai saksama ditolak kos jualan.

Pihak pengurusan telah melaksanakan pemeriksaan rosotnilai bagi tanah untuk pembangunan hartanah. Pada tahun kewangan semasa, pemeriksaan tersebut telah mengakibatkan pengiktirafan pembalikan rosotnilai berjumlah RM55,000,000 (2020: Tiada) disebabkan pelarasan kos tanah untuk pembangunan hartanah seperti yang dinyatakan di Nota 37.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

14. MUHIBAH

	Kumpulan	
	2021	2020
	RM'000	RM'000
Kos		
Pada 1 Januari/31 Disember	30,582	30,582
Kerugian rosotnilai terkumpul		
Pada 1 Januari/31 Disember	30,582	30,582
Nilai dibawa bersih		
Pada 31 Disember	-	-

15. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI

	Syarikat	
	2021	2020
	RM'000	RM'000
Saham-saham, pada kos:		
- tidak tersiarharga	555,613	555,613
Tolak: Kerugian rosotnilai terkumpul	(254,565)	(175,553)
	301,048	380,060

(a) Butiran subsidiari-subsidiari di mana kesemuanya diperbadankan di Malaysia adalah seperti berikut:

Nama subsidiari	Kegiatan utama	Kadar kepentingan pemilikan	
		2021	2020
		%	%
Dipegang oleh Syarikat:			
Angsana Sdn. Bhd.	Pemaju hartanah (tidak aktif)	99.9	99.9
Dataran SPK Sdn. Bhd.	Pemaju hartanah (tidak aktif)	100.0	100.0
Demi Produktif Sdn. Bhd.	Pemegangan pelaburan	100.0	100.0
Garuda Nilam Sdn. Bhd. ##	Pemaju hartanah (tidak aktif)	100.0	100.0
Ideal Appraisal Sdn. Bhd.	Pemaju hartanah	100.0	100.0
Ladang SPK Sdn. Bhd.	Pemaju hartanah (tidak aktif)	100.0	100.0

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

(samb.)

15. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (samb.)

(a) Butiran subsidiari-subsidiari di mana kesemuanya diperbadankan di Malaysia adalah seperti berikut: (samb.)

Nama subsidiari	Kegiatan utama	Kadar kepentingan pemilikan	
		2021 %	2020 %
Dipegang oleh Syarikat: (samb.)			
Nadaprise Sdn. Bhd.	Pemegangan pelaburan	100.0	100.0
S.J. Properties Sdn. Bhd.	Pemaju hartanah	100.0	100.0
Solutions Protocol Sdn. Bhd. #	Membekal sistem maklumat hospital (tidak aktif)	40.0	40.0
SPK-Sentosa Corporation Berhad ##	Pemegangan pelaburan (tidak aktif)	95.8	95.8
Sunshine Bonus Sdn. Bhd. *	Pemegangan pelaburan	50.0	50.0
Dipegang melalui subsidiari-subsidiari:			
Ambangan Heights Sdn. Bhd.	Pemaju hartanah dan pembekal perkhidmatan pengurusan projek	100.0	100.0
Cahaya SPK Resort Club Berhad	Memiliki, menguruskan dan mengendalikan rumah kelab	100.0	100.0
Horizen Development Sdn. Bhd. ##	Pemaju hartanah (tidak aktif)	100.0	100.0
Ombak Sepakat Sdn. Bhd. ##	Pemegangan pelaburan (tidak aktif)	100.0	100.0
Solutions Protocol Sdn. Bhd. #	Membekal sistem maklumat hospital (tidak aktif)	60.0	60.0

* Pemilikan kepentingan dipegang adalah 50% dan 1 saham.

Pemilikan kepentingan dipegang oleh Syarikat dan juga subsidiari, Sunshine Bonus Sdn. Bhd..

Dalam proses pembatalan/penggulungan secara sukarela.

(b) Pemeriksaan rosotnilai pelaburan

Pihak pengurusan Syarikat telah melaksanakan pemeriksaan rosotnilai bagi pelaburan dalam subsidiari-subsidiari berdasarkan jumlah yang boleh dipulih. Jumlah yang boleh dipulih ditentukan berdasarkan nilai saksama ditolak kos jualan, yang menghampiri tahap nilai aset bersih yang dipegang pada akhir tempoh pelaporan.

Pada tahun kewangan semasa, pemeriksaan rosotnilai yang dilaksanakan telah mengakibatkan pengiktirafan rosotnilai berjumlah RM79,012,000 (2020: RM3,211,000) disebabkan oleh penurunan keuntungan jangka masa panjang subsidiari-subsidiari.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

15. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (samb.)

- (c) Ringkasan maklumat kewangan bagi SPK-Sentosa Corporation Berhad, Sunshine Bonus Sdn. Bhd. dan Angsana Sdn. Bhd. yang mempunyai kepentingan tak mengawal bagi Kumpulan adalah seperti yang dinyatakan di bawah. Ringkasan maklumat kewangan ini adalah sebelum penghapusan antara kumpulan.

- (i) Ringkasan maklumat penyata kedudukan kewangan

	SPK-Sentosa Corporation Berhad		Sunshine Bonus Sdn. Bhd.		Angsana Sdn. Bhd.		Jumlah	
	2021	2020	2021	2020	2021	2020	2021	2020
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Aset semasa	1,398	98	35,949	36,897	187	23,066	37,534	60,061
Aset diklasifikasi sebagai dipegang untuk dijual	-	1,450	-	-	-	111	-	1,561
Jumlah aset	1,398	1,548	35,949	36,897	187	23,177	37,534	61,622
Liabiliti semasa, mewakili jumlah liabiliti	179	179	294	18	16	1,147	489	1,344
Aset bersih	1,219	1,369	35,655	36,879	171	22,030	37,045	60,278

- (ii) Ringkasan maklumat penyata pendapatan komprehensif

	SPK-Sentosa Corporation Berhad		Sunshine Bonus Sdn. Bhd.		Angsana Sdn. Bhd.		Jumlah	
	2021	2020	2021	2020	2021	2020	2021	2020
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Hasil	-	-	-	-	-	-	-	-
(Kerugian)/keuntungan bersih bagi tahun, mewakili jumlah pendapatan komprehensif diagihkan kepada pemilik-pemilik syarikat induk	-	(136)	(1,198)	(1,067)	(21,859)	4,396	(23,057)	3,193

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

(samb.)

15. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (samb.)

(c) (samb.)

(iii) Ringkasan maklumat penyata aliran tunai

	SPK-Sentosa Corporation Berhad		Sunshine Bonus Sdn. Bhd.		Angsana Sdn. Bhd.		Jumlah	
	2021	2020	2021	2020	2021	2020	2021	2020
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Aliran tunai bersih (digunakan dalam)/ daripada aktiviti- aktiviti operasi	-	(4)	-	(7,102)	(10)	154,372	(10)	147,266
Aliran tunai bersih daripada aktiviti- aktiviti pelaburan	-	-	-	-	-	16,010	-	16,010
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti pembiayaan	-	-	-	-	-	(171,603)	-	(171,603)
Kurangan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	-	(4)	-	(7,102)	(10)	(1,221)	(10)	(8,327)
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari	52	56	32	7,134	105	1,326	189	8,516
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	52	52	32	32	95	105	179	189

16. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

	Kumpulan	
	2021	2020
	RM'000	RM'000
Saham tidak tersiarharga, pada kos	330	35,000
Bahagian rizab selepas pengambilalihan	-	12,702
	330	47,702

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

16. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU (samb.)

- (a) Butiran syarikat-syarikat bersekutu di mana kesemuanya diperbadankan di Malaysia adalah seperti berikut:

Nama syarikat bersekutu	Kegiatan utama	Kadar kepentingan pemilikan	
		2021	2020
		%	%
Dipegang melalui subsidiari-subsidiari:			
Awan Inspirasi Holdings Sdn. Bhd. *	Pemegangan pelaburan	35.0	35.0
Dipegang melalui syarikat bersekutu:			
Awan Inspirasi Global (L) Bhd. #	Pembekal perkhidmatan pajakan luar pesisir	-	35.0
Awan Inspirasi Sdn. Bhd.	Pembekal perkhidmatan sokongan penerbangan luar pesisir	35.0	35.0

* Dalam proses penggulungan secara sukarela.

Syarikat bersekutu tersebut telah dibubarkan dari daftar Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan menurut Seksyen 131A (4) Akta Syarikat Labuan 1990.

Pada tahun kewangan semasa, Kumpulan telah menerima pembahagian modal berikut daripada Awan Inspirasi Holdings Sdn. Bhd.:

- (i) Pembahagian modal pertama ke atas 35,000,000 saham biasa mewakili 35% pegangan ekuiti berjumlah RM45,500,000 yang diterima pada 24 Mac 2021; dan
 - (ii) Pembahagian modal kedua ke atas 35,000,000 saham biasa mewakili 35% pegangan ekuiti berjumlah RM1,767,500 yang diterima pada 9 Disember 2021.
- (b) Ringkasan maklumat kewangan bagi syarikat bersekutu bagi Kumpulan adalah seperti yang dinyatakan di bawah:
- (i) Ringkasan maklumat penyata kedudukan kewangan:

	Awan Inspirasi Holdings Sdn. Bhd.	
	2021	2020
	RM'000	RM'000
Aset semasa, mewakili jumlah aset	998	136,063
Liabiliti semasa, mewakili jumlah liabiliti	55	155
Aset bersih	943	135,908

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

(samb.)

16. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU (samb.)

(b) Ringkasan maklumat kewangan bagi syarikat bersekutu bagi Kumpulan adalah seperti yang dinyatakan di bawah: (samb.)

(ii) Ringkasan maklumat penyata pendapatan komprehensif:

	Awan Inspirasi Holdings Sdn. Bhd.	
	2021	2020
	RM'000	RM'000
Hasil	-	-
Lain-lain pendapatan	36,795	21,378
Lain-lain perbelanjaan	(1,659)	(5,024)
Keuntungan sebelum cukai	35,136	16,354
Keuntungan bersih bagi tahun	35,035	16,239
Kerugian komprehensif lain	(34,950)	(1,236)
Jumlah pendapatan komprehensif	85	15,003

(iii) Penyesuaian bagi ringkasan maklumat kewangan di atas dengan nilai dibawa bagi kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu:

	Awan Inspirasi Holdings Sdn. Bhd.	
	2021	2020
	RM'000	RM'000
Aset bersih pada 1 Januari	135,908	132,105
Keuntungan bagi tahun	35,035	16,239
Kerugian komprehensif lain	(34,950)	(1,236)
Pemulangan modal pelaburan	(135,050)	-
Dividen	-	(11,200)
Aset bersih pada 31 Disember	943	135,908
Kepentingan dalam syarikat bersekutu	35%	35%
	330	47,568
Muhibah	-	134
Nilai dibawa kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu	330	47,702

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

17. PELABURAN DALAM USAHA SAMA

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Saham tidak tersiarharga pada kos	500	500	500	500
Bahagian rizab selepas pengambilalihan	1,521	1,504	-	-
	2,021	2,004	500	500

(a) Butiran usaha sama yang diperbadankan di Malaysia adalah seperti berikut:

Nama usaha sama	Kegiatan utama	Kadar kepentingan pemilikan	
		2021 %	2020 %
Dipegang oleh Syarikat:			
Sunwav SPK Homes Sdn. Bhd.	Pemaju hartanah	50.0	50.0

(b) Ringkasan maklumat kewangan bagi usaha sama adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

(i) Ringkasan penyata kedudukan kewangan:

	Sunway SPK Homes Sdn. Bhd.	
	2021 RM'000	2020 RM'000
Tunai dan kesetaraan tunai	103	171
Lain-lain aset semasa	5,172	5,060
Jumlah aset semasa, mewakili jumlah aset	5,275	5,231
Lain-lain liabiliti semasa, mewakili jumlah liabiliti	1,233	1,222
Aset bersih	4,042	4,009

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

(samb.)

17. PELABURAN DALAM USAHA SAMA (samb.)

(b) Ringkasan maklumat kewangan bagi usaha sama adalah seperti yang dinyatakan di bawah: (samb.)

(ii) Ringkasan maklumat penyata pendapatan komprehensif:

	Sunway SPK Homes Sdn. Bhd.	
	2021	2020
	RM'000	RM'000
Hasil	-	-
Pendapatan faedah	105	148
Keuntungan sebelum cukai	33	108
Keuntungan bersih bagi tahun mewakili jumlah pendapatan komprehensif	33	108

(iii) Penyesuaian bagi ringkasan maklumat kewangan di atas dengan nilai dibawa bagi kepentingan Kumpulan dalam usaha sama:

	Sunway SPK Homes Sdn. Bhd.	
	2021	2020
	RM'000	RM'000
Aset bersih pada 1 Januari	4,009	3,901
Jumlah pendapatan komprehensif	33	108
Aset bersih pada 31 Disember	4,042	4,009
Kepentingan dalam usaha sama	50%	50%
Nilai dibawa kepentingan Kumpulan dalam usaha sama (bukan semasa)	2,021	2,004

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

18. SEKURITI PELABURAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2021	2020	2021	2020
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian				
Semasa				
Dipegang untuk dagangan				
- Instrumen ekuiti	70,208	63,431	30,874	24,469
Aset kewangan sedia dijual				
- Instrumen hutang	60	-	-	-
Jumlah sekuriti pelaburan semasa	70,268	63,431	30,874	24,469
Bukan semasa				
Aset kewangan sedia dijual				
- Instrumen ekuiti (tidak tersiarharga di Malaysia) pada kos	31	31	31	31
- Instrumen hutang	-	6,000	-	-
	31	6,031	31	31
Tolak: Kerugian rosotnilai terkumpul	(31)	(31)	(31)	(31)
Jumlah sekuriti pelaburan bukan semasa	-	6,000	-	-
Jumlah sekuriti pelaburan	70,268	69,431	30,874	24,469
Nilai pasaran instrumen ekuiti tersiarharga	70,208	63,431	30,874	24,469

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

(samb.)

19. PENGHUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN PENGHUTANG

	Kumpulan		Syarikat	
	2021	2020	2021	2020
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Semasa				
Penghutang perdagangan				
Pihak ketiga	4,578	1,769	-	-
Tolak: Elaun untuk rosotnilai	-	(1,185)	-	-
Penghutang perdagangan, bersih	4,578	584	-	-
Lain-lain penghutang				
Hutang daripada pihak berkaitan:				
Subsidiari-subsidiari	-	-	114,255	117,399
Usaha sama	32	40	32	40
Hutang daripada penjual tanah untuk pembangunan hartanah	55,000	-	-	-
Pelbagai penghutang	1,216	7,585	56	637
Cukai barangan dan perkhidmatan boleh dikembalikan	-	3	-	-
Faedah boleh diterima	81	79	-	-
Deposit	454	470	50	51
	56,783	8,177	114,393	118,127
Tolak: Elaun untuk rosotnilai				
- pihak ketiga	(1,025)	(6,986)	-	(131)
- pihak berkaitan	-	-	(22,480)	(77,257)
Lain-lain penghutang, bersih	55,758	1,191	91,913	40,739
	60,336	1,775	91,913	40,739
Jumlah penghutang (semasa)	60,336	1,775	91,913	40,739
Tambah: Wang tunai dan baki di bank (Nota 21)	27,604	36,117	14,212	20,231
Tolak: Cukai barangan dan perkhidmatan boleh dikembalikan	-	(3)	-	-
Tolak: Faedah boleh diterima	(81)	(79)	-	-
Jumlah aset kewangan dibawa pada kos dilunaskan	87,859	37,810	106,125	60,970

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

19. PENGHUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN PENGHUTANG (samb.)

(a) Penghutang perdagangan

Penghutang perdagangan semasa tidak dikenakan faedah dan pada amnya mempunyai tempoh kredit selama 30 hari (2020: 30 hari), yang dilanjutkan kepada 90 hari (2020: 90 hari) untuk pelanggan utama. Jumlah yang diiktiraf adalah pada jumlah inbois yang asal yang merupakan nilai saksamanya pada pengiktirafan permulaan.

Analisis pengusuaian penghutang perdagangan

Analisis pengusuaian penghutang perdagangan Kumpulan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2021	2020
	RM'000	RM'000
Tidak lampau tempoh atau dirosotnilai	2,460	397
1 hingga 30 hari lampau tempoh dan tidak dirosotnilai	-	-
31 hingga 60 hari lampau tempoh dan tidak dirosotnilai	1,891	-
61 hingga 90 hari lampau tempoh dan tidak dirosotnilai	115	120
91 hingga 120 hari lampau tempoh dan tidak dirosotnilai	75	-
Lebih daripada 120 hari lampau tempoh dan tidak dirosotnilai	37	67
	2,118	187
Dirosotnilai	-	1,185
	4,578	1,769

Penghutang yang tidak lampau tempoh dan tidak dirosotnilai

Penghutang perdagangan yang tidak lampau tempoh dan tidak dirosotnilai adalah penghutang yang mempunyai kebolehpercayaan kredit yang baik dan rekod bayaran yang baik dengan Kumpulan. Penghutang tersebut tidak dirundingkan semula pada tahun kewangan semasa.

Penghutang yang lampau tempoh tetapi tidak dirosotnilai

Baki penghutang yang lampau tempoh tetapi tidak dirosotnilai tidak bercagar.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

(samb.)

19. PENGHUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN PENGHUTANG (samb.)

(a) Penghutang perdagangan (samb.)

Penghutang yang dirosotnilai

Penghutang perdagangan Kumpulan yang dirosotnilai pada tarikh pelaporan dan pergerakan dalam akaun elaun rosotnilai yang digunakan untuk merekodkan rosotnilai adalah seperti berikut:

	Kumpulan Dirosotnilai secara individu	
	2021 RM'000	2020 RM'000
Penghutang perdagangan	-	1,185
Tolak: Elaun untuk rosotnilai	-	(1,185)
	-	-

Pergerakan dalam akaun elaun rosotnilai:

	Kumpulan	
	2021 RM'000	2020 RM'000
Pada 1 Januari	1,185	-
Pembalikan rosotnilai (Nota 5)	(1,185)	-
Rosotnilai tahun semasa (Nota 7)	-	1,185
Pada 31 Disember	-	1,185

(b) Baki-baki hutang daripada pihak berkaitan

Jumlah hutang daripada syarikat-syarikat berkaitan tidak bercagar, tidak dikenakan faedah dan mesti dibayar balik atas permintaan.

(c) Lain-lain penghutang

Penghutang yang dirosotnilai

Lain-lain penghutang Kumpulan dan Syarikat yang dirosotnilai pada tarikh pelaporan dan pergerakan dalam akaun elaun rosotnilai yang digunakan untuk merekodkan rosotnilai adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	Dirosotnilai secara individu			
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Lain-lain penghutang- jumlah nominal	1,025	6,986	102,480	102,388
Tolak: Elaun untuk rosotnilai	(1,025)	(6,986)	(22,480)	(77,388)
	-	-	80,000	25,000

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021
(samb.)

19. PENGHUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN PENGHUTANG (samb.)

(c) Lain-lain penghutang (samb.)

Penghutang yang dirosotnilai (samb.)

Pergerakan dalam akaun elaun rosotnilai:

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Pada 1 Januari	6,986	11,066	77,388	81,443
Rosotnilai tahun semasa (Nota 7)	19	-	-	25
Pembalikan (Nota 5)	-	(4,080)	(54,777)	(4,080)
Penghapuskiraan	(5,980)	-	(131)	-
Pada 31 Disember	1,025	6,986	22,480	77,388

Pada tarikh pelaporan, Kumpulan dan Syarikat telah memperuntukkan elaun untuk rosotnilai bagi jumlah hutang daripada syarikat-syarikat berkaitan, yang mengalami kerugian kewangan yang ketara bagi tahun semasa dan dua tahun kewangan yang lepas.

20. LAIN-LAIN ASET SEMASA

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Perbelanjaan prabayar	110	128	73	73

21. WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Wang tunai dan baki di bank	24,054	32,657	14,212	20,231
Deposit dengan bank berlesen	3,550	3,460	-	-
Jumlah wang tunai dan deposit	27,604	36,117	14,212	20,231

